

**MADAH
PERDANA**
Penggerak Bangsa

Siri Pengetahuan Am

amidah hamim

Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia
Kuala Lumpur
2002

ISBN 983-54-0349-X

Cetakan Pertama, 2002
Hakcipta Terpelihara. Jabatan Perkhidmatan Penerangan
Malaysia 2002

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-
mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini
dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara sama ada
secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia
Tingkat 6-13 & 15, Wisma Bernama
Jalan Tun Razak
50612 Kuala Lumpur
Laman Web: <http://www.penerangan.gov.my>
e-mail: webmaster@penerangan.gov.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Madah perdana / (penyunting) Amidah Hamim.

(Siri pengetahuan am)

ISBN 983-54-0349-X


1. Mahathir bin Mohamad. Dato Ser. 1925-. --Quotations,
maxims, etc. 2. Leadership--Quotations, maxims, etc.

I. Amidah Hamim. II. Judul. III. Siri.
158.4

Reka Bentuk Kulit oleh
Hasni Ismail
Bahagian Pengeluaran Visual

Dicetak oleh
Perniagaan Normahs
Batu Caves, Selangor

Naskah Percuma


26 AUG 2003
Perpustakaan Negara
Malaysia

1101852





KANDUNGAN

| | |
|-------------------------------|-----|
| Prakata | 6 |
| Profil Perdana Menteri | 9 |
| Bahagian Satu: Agama | 12 |
| Bahagian Dua: Sosial | 21 |
| Bahagian Tiga: Politik | 63 |
| Bahagian Empat: Ekonomi | 86 |
| Rujukan | 112 |





PRAKATA

MADAH PERDANA PENGGERAK BANGSA terbitan Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia kali ini diterbitkan sempena dua dekad pemerintahan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat, Wira Negara dan tokoh negarawan yang terkemuka di dunia di abad ini.

Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir telah menjalankan tugas-tugas dengan cekap dan cemerlang. Pelbagai program dan dasar diperkenalkan oleh beliau sejak memegang jawatan Perdana Menteri. Bermula dengan Kad Perakam Waktu, Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Pensiwaan, Dasar Persyarikatan Malaysia hinggalah ke Wawasan 2020. Dasar-dasar tersebut telah dilaksanakan dengan jayanya bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan produktiviti negara yang seterusnya telah menaikkan nama Malaysia di mata dunia sehingga kini. Kelicinan pentadbiran kerajaan membolehkan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini mengalami hidup yang sejahtera.

Walaupun dunia dilanda pelbagai krisis ekonomi dan politik serta keganasan, Malaysia terus dapat berkembang maju dengan usaha sendiri. Tanpa sebarang pertolongan pihak luar, Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir telah berjaya menangani pelbagai masalah terutama tekanan ekonomi seperti kewangan dan ancaman keselamatan dalam negara.




Slogan “Malaysia Boleh” yang dicetuskan oleh beliau telah membawa arah politik, ekonomi dan sosial negara menuju ke era baru, era teknologi industri dan era globalisasi. Wawasannya untuk Malaysia amat tepat dan jelas. Kebijaksanaannya dalam melaksanakan Dasar Pandang Ke Timur, projek kereta nasional dan pelaburan dalam industri menyumbang ke arah kepesatan ekonomi negara.

Segala pencapaian Malaysia pada masa kini adalah hasil daripada kebijaksanaan dan kepimpinan Perdana Menteri yang mempunyai formula tersendiri untuk membentuk satu negara yang maju, aman dan sentosa.

Wawasan 2020 yang dicetuskan oleh Perdana Menteri sewaktu Pelancaran Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991 melalui satu kertaskerja yang bertajuk ‘Malaysia - Melangkah Ke Hadapan’ adalah bertujuan mengemukakan beberapa pandangan mengenai arah masa depan negara dalam usaha untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

“Kita perlu menjadi negara yang maju menurut acuan kita sendiri. Malaysia tidaklah hanya menjadi negara maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara kita mestilah menjadi negara maju dari segala-gala seperti dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepaduan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian, selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan akan bangsa sendiri.”



Petikan di atas adalah sebahagian dari hasrat Perdana Menteri terhadap negara dalam menuju ke satu arah iaitu Wawasan 2020.

Di peringkat antarabangsa, pandangan, kritikan dan idea yang diucapkan beliau di forum-forum antarabangsa sering dinanti-nanti oleh pemimpin dunia. Malaysia kini terkenal di seluruh dunia dan dilihat sebagai negara contoh kepada negara-negara membangun. Sebagaimana yang diakui sendiri oleh Perdana Menteri semasa berucap sempena Sambutan Hari Kebangsaan 1998 *"Demikianlah berjayaanya ketekunan rakyat sehingga Malaysia digelar sebagai salah sebuah "harimau ekonomi" Asia."*

Justeru itu, MADAH PERDANA PENGGERAK BANGSA sedaya upaya menghayati falsafah dan prinsip yang dipegang oleh Dr. Mahathir untuk dijadikan pegangan dan panduan kepada rakyat melalui ucapan-ucapan beliau sejak dilantik menjadi Perdana Menteri.

Adalah amat diharapkan agar buku MADAH PERDANA PENGGERAK BANGSA ini akan dapat dijadikan panduan, rujukan dan 'pembakar' semangat yang tidak ternilai kepada rakyat amnya dan pembaca khususnya dalam menghadapi segala cabaran dan seterusnya merealisasikan apa yang tersurat dan tersirat di hati Perdana Menteri yang tercinta.



DATO' MOHAMAD SALLEH BIN RAFIE

Ketua Pengarah Perkhidmatan Penerangan Malaysia

Negara tidak boleh dianggap merdeka semata-mata kerana kuasa politik berada di tangan rakyat. Selagi kuasa ekonomi tidak ada di tangan rakyat kebebasan negara tidak terjamin.

*Majlis Makan Malam Ke 19 Persatuan
Bank-Bank Saudagar Di Malaysia
7 November 1998
Kuala Lumpur*



*Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
Perdana Menteri*



PROFIL PERDANA MENTERI

Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 16 Julai 1981.

Dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Alor Setar, ibu negeri Kedah, Dr. Mahathir mendapat pendidikan awal dan menengah di bandar kelahirannya. Pada tahun 1947, beliau mendapat tempat di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura untuk melanjutkan pelajarannya.



Selepas menamatkan pengajiannya, beliau menyertai perkhidmatan awam Malaysia sebagai Pegawai Perubatan. Pada tahun 1957 beliau meninggalkan perkhidmatan awam untuk membuka klinik perubatan di Alor Setar.

Dr. Mahathir mula aktif dalam arena politik sejak 1945. Beliau telah menjadi ahli Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sejak ditubuhkan pada 1946.

Selepas memenangi Pilihanraya Umum pada tahun 1964, Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Ahli Parlimen. Bagaimanapun, beliau hilang kerusi pada Pilihanraya Umum berikutnya iaitu pada tahun 1969.

Oleh kerana minatnya yang mendalam dalam bidang pendidikan, beliau dilantik sebagai Pengerusi Majlis Pendidikan Tinggi yang pertama pada tahun 1968, Ahli Majlis Penasihat Pendidikan Tinggi pada 1972, Member of the University Court and University of Malaya Council, dan Chairman of the National University Council pada 1974.

Dr. Mahathir dilantik sebagai Senator pada tahun 1974. Beliau melepaskan jawatan ini untuk membolehkannya bertanding dalam Pilihanraya Umum 1974 di mana beliau menang tanpa bertanding. Berikutan daripada pilihanraya tersebut, Dr. Mahathir dilantik menjadi Menteri Pendidikan Malaysia.



Pada tahun 1976, Dr. Mahathir dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri disamping terus menjalankan peranan dan tugas-tugas sebagai Menteri Pendidikan. Di dalam rombakan kabinet dua tahun kemudian, beliau melepaskan portfolio Pendidikan untuk menyandang jawatan baru sebagai Menteri Perdagangan dan Industri. Setelah dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Industri, Dr Mahathir mengetuai dalam pelbagai misi dan promosi pelaburan di luar negara.



Dr. Mahathir telah dipilih sebagai salah seorang daripada tiga Naib Presiden UMNO pada tahun 1975. Pada tahun 1978, beliau memenangi kerusi Timbalan Presiden parti dan pada tahun 1981 beliau dilantik sebagai Presiden parti. Beliau mengekalkan kedudukannya sebagai Presiden parti pada tahun 1984 apabila menang tanpa bertanding.

Dalam pilihanraya parti 1987, Dr. Mahathir mengalahkan lawannya untuk mengekalkan jawatan Presiden dan pada tahun 1990 dan 1993, sekali lagi beliau menang tanpa bertanding sebagai Presiden parti. Di bawah pentadbiran beliau, parti memerintah Barisan Nasional memenangi Pilihanraya Umum berturut-turut pada tahun 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999.

Dr. Mahathir berkahwin dengan seorang doktor, Datin Seri Dr. Siti Hasmah bt Mohd Ali, dan mereka dikurniakan tujuh cahaya mata iaitu Marina, Mirzan, Melinda, Mokhzani, Mukhriz, Maizura, dan Mazhar.

A decorative border with floral motifs in each corner, consisting of a thin line and stylized flowers with leaves.

BAHAGIAN SATU: AGAMA





...usaha-usaha pembangunan yang kita jalankan selama ini bukanlah semata-mata ditumpukan kepada aspek material atau kebendaan yang tidak bertentangan dengan kehendak Islam, tetapi dalam usaha-usaha pembangunan yang sedia ada di negara ini sememangnya sudah termasuk ciri-ciri kerohanian yang ada juga sesuai dengan kehendak-kehendak Islam.

*Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa
18 Julai 1981
Kuala Lumpur*

Apabila hati kita bersih, kita dapat mengelakkan diri kita daripada busuk hati, kita dapat menghindarkan daripada buruk sangka, fitnah-menfitnah dan segala kemungkaran dan kejahatan, bukan sahaja bagi diri kita, tetapi juga bagi keluarga, jiran dan masyarakat kita.

*Majlis Perasmian Musabaqah
Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan 1983
28 Mei 1983
Kuala Terengganu*





Ilmu mempunyai kaitan yang rapat dengan usaha. Usaha tanpa ilmu tidak akan membuahkan hasil yang baik dan kadangkala boleh membahayakan diri sendiri. Demikianlah juga ilmu tanpa usaha, ia akan jadi beku dan tidak berfaedah. Pepatah Arab mengatakan bahawa: "Ilmu tanpa usaha, gila; dan usaha tanpa ilmu bererti sia-sia".

*Majlis Perasmian Musabaqah
Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan
15 Mei 1984
Melaka*

Untuk membentuk sikap yang baik dan berkesan, tidak ada jalan yang lebih baik daripada kesedaran keagamaan dan kefahaman terhadapnya.

*Perasmian Muzakarah Kesedaran Islam
Pegawai-Pegawai Kerajaan
4 Februari 1986
Kuala Lumpur*





Sebenarnya orang yang tidak cukup pancainderanya menunjukkan kebolehan yang luar biasa dengan anggotanya yang tidak cacat. Orang yang buta mempunyai pendengaran yang tajam dan jarinya begitu sensitif. Sebaliknya orang yang bisu boleh melihat dengan tenang. Tuhan yang Maha Kaya mengurniakan kebolehan ini sebagai imbangan kepada kekurangan yang semulajadi. Apatah lagi orang yang tidak cacat – mereka kaya dengan kebolehan tiap anggota.

*Upacara Pembukaan Rasmi
Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan
24 April 1986
Kuala Lumpur*

Dalam mengejar pembangunan dan kemajuan, tekanan juga diberi kepada pembangunan rohaniah kerana negara memerlukan masyarakat yang sama maju daripada segi rohani dan jasmani. Rakyat juga digalakkan supaya berdikari dan berfikiran luas tanpa bertindak berasaskan emosi tanpa fikiran yang waras dan perancangan yang berasaskan logik dan nilai-nilai Islam, kita bukan sahaja tidak akan mencapai kemajuan tetapi juga kita akan menjadi lemah dan tertindas.

*Majlis Jamuan Makan Malam Tahunan
Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia
23 Februari 1991
Kuala Lumpur*



Penderma yang ikhlas tidak harus fikir bahawa penerima terhutang budi kepadanya. Tidak akan berkesan secara langsung yang menjadi hak kepada penderma.



*Upacara Pelancaran Rasmi Yayasan Ubaidi
11 Oktober 1991
Kuala Lumpur*

Kemuliaan dan kebahagiaan sesuatu masyarakat bergantung kepada sifat-sifat yang mulia yang terdapat pada semua pihak

*Upacara Pelancaran Rasmi Yayasan Ubaidi
11 Oktober 1991
Kuala Lumpur*

...Sifat-sifat yang dianjurkan oleh Islam seperti sayangkan negara, cintakan keluarga, rajin dan tertib, berdaya saing, bertolak ansur, tidak mensia-siakan masa dan sebagainya perlu dipraktik lebih daripada yang diperkatakan.

*Pelancaran Program 'Rumahku Syurgaku'
1 Julai 1992
kuala Lumpur*



Faktor terpenting ke arah mewujudkan rumahtangga bahagia adalah faktor didikan dan asuhan. Bagi seseorang muslim, didikan Islamlah yang menjadi teras utamanya. Apabila setiap anggota dalam rumahtangga terutama anak-anak dan isteri diberi pemahaman yang secukupnya tentang peranan dan tanggungjawab mereka.

Pelancaran Program 'Rumahku Syurgaku'

1 Julai 1992

Kuala Lumpur

Matlamat negara adalah supaya pada tahun 2020 kita akan menjadi sebuah negara maju. Takrif negara maju sudah pun dijelaskan. Ini tidak bermakna pembangunan material yang membelakangkan kerohanian. Matlamat kita adalah sebuah negara yang maju dari segi ilmu, kecekapan dan kekayaan tetapi tidak kehilangan moral dan pegangan kepada ajaran agama.

Pelancaran IKIM dan Perasmian Kongres Menjelang Abad 21

3 Julai 1992



Kuala Lumpur

Akhirat mesti diimbangi dengan dunia. Kehidupan umat Islam dalam kehinaan di dunia tidak akan menjamin kebahagiaan diakhirat. Sebaliknya mereka yang dapat menumpukan kepada akhirat banyak bergantung kepada kebahagiaan hidup di dunia ini hasil daripada usaha pihak lain.

Pelancaran IKIM dan Perasmian Kongres Menjelang Abad 21

3 Julai 1992

Kuala Lumpur



Jika kita umat Islam ingin maju, kita boleh maju. Tidak ada larangan agama terhadap kemajuan dunia. Yang dikehendaki adalah imbalan di antara dunia dan akhirat.

*Perhimpunan Agung UMNO 1995
24 November 1995
Kuala Lumpur*

Percayalah jika kita lupa dan kita ikut nafsu, negara kita juga akan dilanda huru-hara seperti yang kita lihat di negara membangun yang lain.

*Perutusan Hari Raya Aidil Fitri
8 Februari 1997
RTM, Kuala Lumpur*

Jika orang Islam benar-benar ingin memajukan negara mereka, mengembalikan zaman kegemilangan mereka, agama Islam tidak menjadi penghalang.

*Perutusan Hari Raya Aidil Fitri
8 Februari 1997
RTM, Kuala Lumpur*

Jika persetujuan tidak dapat dicapai, sikap toleran dan persaudaraan hendaklah diamalkan. Percubaan secara keras yang hanya membawa perpecahan dan rusuhan yang berlarutan hendaklah dielakkan.

*Persidangan Serantau 'Melangkah Abad 21: Reformasi dan
Cabaran Umat Islam Serantau'
22 Ogos 1997
Kuala Lumpur*

Islam adalah Addin - cara hidup. Cara hidup tak bermakna hanya 'ritual' tertentu yang wajib kita buat tetapi juga kegiatan dan tindakan yang kita ambil untuk kesejahteraan hidup kita.

Perhimpunan Agung UMNO

19 Jun 1998

Kuala Lumpur

Kelebihan yang ada kepada manusia adalah daripada segi anugerah akalnya. Kepintaran akal manusia menjadi lebih bermutu apabila diturunkan wahyu dan diutuskan pula rasul yang bijaksana. Kerana itu anugerah akal perlu dijaga dan dipelihara agar benar-benar dapat berfungsi sebagai nakhoda yang dapat melayari bahtera kehidupan yang luas.

Sambutan Maulidur Rasul 1419H

6 Julai 1998


Kuala Lumpur

Islam mengajar kita untuk berlapang dada apabila menghadapi sesuatu kesusahan dan kesempitan. Tidak semua cita-cita dan impian akan dapat dicapai dalam sekelip mata. Tetapi usaha dan tekad mestilah diteruskan sehingga kejayaan dicapai.

Sambutan Maulidur Rasul 1419H

6 Julai 1998

Kuala Lumpur



Kesyukuran kita hendaklah disertai dengan tindakan-tindakan yang membuktikan kebenaran kesyukuran kita.


*Perutusan Hari Raya Aidil Fitri
18 Januari 1999
RTM, Kuala Lumpur*

Faedah dan nikmat yang boleh didapati daripada Al-Quran amatlah banyak bagi orang Islam. Hanya dengan mendengar ayat-ayat suci Al-Quran dibaca pun dapat menenangkan hati dan membangunkan semangat persaudaraan di kalangan orang Islam.

*Perasmian Majlis Tilawah Al-Quran
Peringkat Kebangsaan Kali Ke 45
18 September 2000
Kota Kinabalu, Sabah*



BAHAGIAN DUA: SOSIAL



Tiap-tiap seorang daripada kita mempunyai peranan masing-masing. Sekiranya tiap-tiap seorang daripada kita faham dan menjalankan tanggungjawab dengan jujur, dedikasi dan sanggup berkorban untuk negara maka negara kita sudah pasti akan bertambah maju lagi. Kita mestilah bekerja kuat di samping memperbaiki kecekapan dan meningkatkan daya pengeluaran masing-masing.

*Upacara Perasmian Persidangan Perwakilan Tahunan Kesatuan
Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia
6 November 1981
Kuala Lumpur*

Sekiranya setiap pegawai Kerajaan memberi kepentingan dan keutamaan kepada 'sense of purpose', 'sense of urgency' dan 'common sense' dan melihat sesuatu suasana dan keperluan tugas dari kacamata-kacamata ini sudah tentu banyak yang akan dapat kita capai. Dengan ini barulah bermakna segala usaha memperbaiki sistem dan peraturan supaya perkhidmatan yang diberikan bertambah baik dan peralatan serta suasana kerja dan membantu dalam tindakan yang lebih berkesan.

*Majlis Makan Malam Tahunan PPTD
27 Disember 1981
Kuala Lumpur*

Sememangnya tidak siapapun yang ingin hidup sebagai hamba kepada penjajah. Dan tidak ada siapapun yang sanggup melihat kekayaan negaranya dibawa ke negara asing untuk kesenangan hidup orang lain. Tanpa kemerdekaan, selama itulah kita mungkin menikmati kebebasan hidup sebagai satu bangsa dan negara yang berdaulat.

*Perutusan Tahun Baru 1982
31 Disember 1981
RTM, Kuala Lumpur*

Disiplin merupakan satu tanggungjawab-tanggungjawab untuk menghormati nilai-nilai serta peraturan-peraturan yang wujud di dalam masyarakat dan negara; tanggungjawab untuk menentukan yang kita sentiasa memberi kepentingan kepada apa-apa jua yang baik untuk masyarakat dan negara tanggungjawab untuk sama-sama menjamin keselamatan kemakmuran dan kesejahteraan kita bersama.

*Majlis Perhimpunan Belia Negara
15 Mei 1982
Kuala Lumpur*

Erti kemerdekaan bukanlah semata-mata perbatasan dari pemerintahan penjajah tetapi, yang lebih utama dan penting ialah semangat, dorongan dan tindakan kita untuk mengisi dan membaca kemuliaan, kesejahteraan dan kebahagiaan kepada bangsa dan negara.

*Upacara Perasmian Pameran "Malaysia 25 Tahun"
23 Ogos 1982
Kuala Lumpur*

Nilai-nilai yang berdasarkan kebudayaan timur kita menjamin persamaan dan keadilan, ia tidak meninggikan lelaki dan ia tidak pula menjatuhkan kedudukan wanita. Ia adalah landasan yang maju dan sederhana yang harus dipupuk kerana penerimaannya secara meluas akan menyelamatkan dan menjamin kejayaan semua pihak.

Program Hari Wanita Malaysia Ke-20
25 Ogos 1982
Kuala Lumpur

Seseorang pemimpin hendaklah mempunyai pengetahuan luas, bukan dari segi selok-belok kerjaya sahaja, tetapi juga pengetahuan am, pengetahuan mengenai masyarakat dan lain-lain malah pengetahuan agama yang cukup supaya ia menjadi manusia yang dapat diteladani oleh orang lain. Pengalaman dan pengetahuan akademik yang diperkukuhkan dengan iman akan merupakan mentaliti dan personaliti yang bersih, cekap dan amanah. Bersih dilambangkan oleh perwatakan yang terhindar dari sebarang unsur yang boleh menggugat kejujuran kita, dan cekap dicerminkan oleh kegigihan melaksanakan dasar-dasar dan peraturan-peraturan perkhidmatan tanpa digugat oleh hawa nafsu atau agoisme individu. Beramanah pula menunjukkan kematangan keperibadian yang lahir dari keinsafan tanggungjawab kepada masyarakat, agama dan negara.

Upacara Perbarisan Perdana Sempena Hari Polis 1983
26 Mac 1983
Kuala Lumpur

Komunikasi merupakan satu aktiviti dan alat yang penting di dalam kehidupan sesuatu masyarakat dan negara. Lebih-lebih lagi di dalam konteks proses "nation-building" seperti di negara kita. Sebagai sistem perhubungan dan interaksi dua hala, komunikasi membantu proses sosialisasi dan pendidikan, pembentukan nilai dan cara hidup serta kebudayaan, pencapaian dan penyatuan aspirasi dan pergerakan ke arah memenuhi hasrat dan cita-cita kita. Dalam sesebuah negara membangun, dimana dasar-dasar dan strategi-strategi tertentu telah digubal bagi membawa perubahan yang menyeluruh, kejayaan dasar-dasar dan strategi-strategi ini amat bergantung kepada kemampuan dasar dan sistem komunikasi.

Majlis Perasmian Simposium Ke Arah Dasar
Komunikasi Negara
6 Ogos 1983
Kuala Lumpur

Perkhidmatan awam haruslah mengukur prestasinya dengan beberapa ukuran atau kriteria, mengikut keadaan. Diantara kriteria-kriteria ini ialah:

- * Keberkesanan atau 'effectiveness', iaitu tahap pencapaian objektif-objektif yang ditentukan;
- * Daya pengeluaran atau produktiviti, iaitu kuantiti dan kualiti hasil daripada sesuatu jenis input;
- * Efisiensi, iaitu kemampuan untuk menambahkan hasil dengan penggunaan input minimum atau menjamin hasil yang sama dengan pengurangan input;
- * Keberuntungan atau 'profitability', iaitu pulangan wang dan pelaburan;
- * Kecapaian mengikut rangka dasar dan peraturan yang

disediakan; dan

- *Kecapaian untuk menjadikan norma-norma pembaharuan yang dicita-citakan.*

Majlis Pembukaan Rasmi Kampus Utama Institut Tadbiran

Awam Negara (INTAN)

22 Oktober 1984

Kuala Lumpur

Apabila terdapat ketamakan, keutamaan kepada kepentingan diri daripada kepentingan ramai dan pandai mencari kesalahan orang lain sahaja dan lain-lain gejala, satu-satu masyarakat itu akan menjadi lemah dan akhirnya hancur, atau ia akan dijajah semula.

Perutusan Hari Kebangsaan Yang Ke-28

30 Ogos 1985



RTM, Kuala Lumpur

Tidak sesiapa pun yang suka dihina oleh orang lain. Tidak ada bangsa atau negara yang mahu dipandang rendah dan dibelakangkan oleh dunia. Tetapi semata-mata kerana kita tidak suka dihinakan tidak akan menghindar orang lain daripada menghina kita. Yang akan menjamin supaya dunia menghormati kita ialah nilai yang murni dan mulia yang kita amalkan dan kejayaan yang pasti kita capai hasil daripada amalan ini.

Jamuan Makan Malam PPTD

9 November 1985

Kuala Lumpur



Setiap anggota masyarakat secara tidak langsung terikat dengan perjanjian kemasyarakatan atau 'social contract'. Perlindungan yang diberi kepadanya oleh masyarakat mestilah dibalas dengan menghormati aturan dan undang-undang masyarakat. Tidak sesiapa pun yang boleh mengecapi nikmat hidup bermasyarakat tanpa memikul tanggungjawab kepada masyarakat.

Perutusan Tahun Baru 1986

31 Disember 1985


RTM, Kuala Lumpur

Perhubungan polis dengan masyarakat mempunyai banyak implikasi kepada kesejahteraan pasukan polis sendiri. Adalah menjadi tanggungjawab pasukan polis untuk menentukan bahawa perhubungannya dengan masyarakat sentiasa baik. Ini akan membolehkan polis melaksanakan tanggungjawabnya dengan licin dan memuaskan.

Upacara Perbarisan Hari Polis

29 Mac 1986

Kuala Lumpur



Bangsa dan negara yang besar dan berkebudayaan tinggi adalah bangsa dan negara yang tahu menghargai jasa pahlawannya, baik mereka yang berjuang dengan senjata untuk mempertahankan negara, atau mereka yang berjuang dengan kepintaran siasah dan akal fikiran untuk mencapai kemerdekaan dan mengembalikan amanah bangsanya dengan mengorbankan harta-benda, tenaga dan masa, mahupun mereka yang mengabdikan diri kepada ilmu untuk mendidik anak bangsanya.

Perasmian Seminar Biografi Malaysia

26 April 1986

Kuala Lumpur

Sesuatu bahasa yang diabaikan oleh golongan inteleknya akan layu dan beku sehingga tidak terdaya untuk bertahan.

*Majlis Perasmian Hadiah Bahasa
Persatuan Linguistik Malaysia & Public Bank*

30 April 1986

Kuala Lumpur

Dalam usaha mencapai matlamat mendaulatkan Bahasa Malaysia, kita janganlah menanam sikap yang negatif dikalangan rakyat kita terhadap penguasaan bahasa-bahasa lain terutama sekali bahasa dunia, seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis, Bahasa Arab dan lain-lain. Penguasaan bahasa asing itu akan memperkayakan ilmu yang ada di dada kita dan membuka mata kita kepada alam yang lain daripada alam kita.

Perasmian Konvensyen Bahasa Kebangsaan

14 Julai 1986

Kuala Lumpur

Negara kita mempunyai potensi untuk menjadi negara maju, setaraf dengan negara maju lain. Tetapi negara kita juga mempunyai potensi untuk hancur. Sama ada potensi untuk maju atau potensi untuk hancur menguasai negara kita adalah pilihan kita sendiri. Saya yakin tidak ada seorang pun daripada kita yang ingin melihat negara kita ini hancur.

Majlis Penyampaian Hadiah Kewartawanan

20 Ogos 1986

Kuala Lumpur

Mereka yang selalu bergantung kepada bantuan kerajaan mungkin nampak segan untuk seketika, tetapi semangat mereka akan menjadi lemah dan terus luput dalam jangka panjang. Mereka tidak akan mempunyai inisiatif untuk berdikari, untuk memulakan sesuatu pekerjaan yang memberi manfaat kepada mereka dan keluarga, untuk berikhtiar menegakkan maruahnyanya tanpa mengharapkan bantuan orang lain ataupun kerajaan; tidak bersemangat untuk membantu diri mereka sendiri.

Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Kebajikan Masyarakat

25 Ogos 1986

Kuala Lumpur

Sebab buah, kenal pohonnya - kelakuan, pendirian dan pembawaan diri kita menggambarkan siapa kita kepada orang lain.

Perutusan Hari Kebangsaan Ke-29

30 Ogos 1986

RTM, Kuala Lumpur

Amanah, kebersihan dan kecekapan adalah sifat-sifat yang terpenting dalam menentukan berjaya atau tidaknya pengurusan. Namun demikian ada lagi lain-lain sifat yang juga diperlukan bagi menjayakan pengurusan. Kerajinan, kesetiaan, disiplin, kepintaran berkomunikasi dan lain-lain membantu keberkesanan sesuatu pengurusan.

*Perasmian Seminar 'Ke Arah Peningkatan Kepercayaan
Pengurusan Di Negara Ini'
3 Januari 1987
Kuala Lumpur*

Sivik adalah satu perkataan asing yang dipinjam oleh kita tetapi konsep kesedaran sivik adalah konsep lama yang baru diberi nilai yang tinggi. Kesedaran sivik bermakna perasaan tanggungjawab bukan sahaja terhadap harta sendiri, tetapi juga terhadap harta orang ramai.

*Pelancaran Hari Kesedaran Sivik
4 April 1987
Kuala Lumpur*

Anak-anak merupakan aset negara. Ibubapalah yang menjadi model yang ulung kepada anak mereka. Ibubapalah juga yang boleh mengawasi supaya pengalaman-pengalaman yang dialami oleh anak-anak mereka merupakan pengalaman yang membina akhlak dan menegakkan imannya.

*Majlis Perasmian Pameran 'Duniaku'
7 Julai 1987
Kuala Lumpur*

Tanpa persefahaman dan perpaduan, ketahanan nasional akan terancam dengan polarisasi kaum. Di sinilah kita perlukan semangat perpaduan nasional, yang merupakan salah satu faktor terpenting di dalam menjamin keselamatan negara.

Sambutan Hari Pahlawan

17 Ogos 1987

Kuala Lumpur

Setiap 31 Ogos kita menyambut Hari Kebangsaan. Kita merayakan Hari Kebangsaan pada setiap tahun bukanlah kerana kita terpaksa merayakannya, tetapi ianya adalah satu cara untuk mengingatkan kita akan penjajahan negara dan bangsa kita selama 400 tahun. Semangat dan keberanian para pejuang tidak boleh dilupakan begitu sahaja. Semangat perjuangan mereka seharusnya terus hidup menyala dalam jiwa kita dan dalam jiwa generasi yang akan datang.

Majlis Makan Malam dan

Pelancaran Buku Daftar Hari Merdeka 1986

29 Ogos 1987



Kuala Lumpur

Jikalau kita menyingkap kekuatan dan dayacipta orang-orang yang terdahulu daripada kita dan menyesuaikan dengan keperluan atau kehendaki semasa, kita akan mendapat nilai-nilai yang ideal di dalam membina tradisi masyarakat semasa.

Majlis Pelancaran Buku Sasterawan Negara Usman Awang

24 September 1987

Kuala Lumpur





Di zaman serba mencabar ini ibubapa dan masyarakat hendaklah selalu berwaspada terhadap kelakuan dan tingkahlaku anak-anak mereka. Seseorang kanak-kanak memerlukan perhatian, kasih sayang serta bimbingan dan pengawasan yang rapi dan ibubapa atau penjaga mereka untuk membolehkan mereka membesar sebagai seorang yang berjaya. Ibubapa perlulah juga memberi penekanan terhadap pendidikan rohaniah kepada anak-anak mereka, kerana dengan adanya asas keagamaan yang kuat akan dapat membantu seseorang itu mengikis pengaruh-pengaruh yang kurang sihat.

Perasmian Seminar Kebangsaan Kebajikan Masyarakat

6 November 1987

Kuala Lumpur

Pemimpin-pemimpin dan pengurus-pengurus organisasi yang berwibawa harus mempunyai sifat pemikiran yang agak menyeluruh dan jelas atau 'clarity of mind' tentang haluan perjalanan organisasinya. Untuk mencapai tahap ini, kita tidak boleh bersandarkan semata-mata kepada pendekatan logik atau "reason" sahaja, atau membuat keputusan berasaskan pengutipan data-data dan penglibatan fenomena-fenomena semasa sahaja. Pendirian dan tindakan kita harus juga berpandu kepada pembelajaran, pengalaman serta fakta-fakta sejarah. Tanpa demikian, kita akan terus mengulangi kesilapan-kesilapan dahulu dan mengambil tindakan yang terburu-buru. Kita tidak boleh juga mengeneppikan falkulti imaginasi dan 'foresight'. Pemimpin-pemimpin dan pengurus-pengurus yang baik akan dapat meramal dan menjangka cabaran-cabaran dan keperluan-keperluan masa hadapan dan sentiasa bersedia menghadapi masalah-masalah yang dijangka timbul. Melalui fakulti imaginasi, kita dapat menghasilkan idea-idea baru, dapat bertindak secara produktif dan



boleh menerokai peluang-peluang baru yang mungkin dapat dimajukan. Pendekatan ini akan membantu untuk menghasilkan keputusan-keputusan dan tindakan yang berkesan serta adil dan bijaksana. Disamping itu kita perlu mengambilkira unsur-unsur logik dan emosi. Jika kita hanya menggunakan logik atau 'reason' tanpa mengambilkira emosi dan perasaan, kita mungkin membuat sesuatu yang tidak secukupnya dengan psikologi manusia dan sifat-sifat kemasyarakatan yang terdapat di sekeliling kita. Sebaliknya jika kita hanya berpandukan kepada emosi dan perasaan orang lain, dan seterusnya akan mengakibatkan tindakan-tindakan yang akhirnya sukar dikawal. Oleh itu perlulah ada keseimbangan di antara penggunaan unsur-unsur logik dan emosi.

Jamuan Makan Malam Tahunan PPTD

21 November 1987

Kuala Lumpur

Penggubahan dan penyesuaian budaya kerja yang berkualiti bukanlah sesuatu yang boleh ditamatkan apabila mencapai kepada matlamatnya. Ia adalah satu usaha yang berterusan, iaitu ia perlu ditingkatkan sepanjang masa.

Perasmian Ceramah Mengenai Pengurusan

26 November 1987

Kuala Lumpur

Para guru telah memberi sumbangan yang sangat bermakna semenjak sebelum merdeka lagi untuk memperjuangkan keutuhan dan kedaulatan bangsa dan negara ini. Ramai daripada mereka yang memperjuangkan kemerdekaan, sama ada melalui penyertaan dalam bidang politik secara langsung atau melalui penulisan, adalah terdiri daripada para guru. Merekalah yang telah memberi semangat untuk anak bangsa memperolehi pengetahuan dan pelajaran tinggi untuk akhirnya memperjuangkan nasib bangsa dan negara.

Perasmian Perayaan Jubli Perak Kesatuan Guru-guru Lepas
Maktab Semenanjung Malaysia
19 Disember 1987
Kuala Lumpur

Jika kerana mengejar ilmu kita perlu menguasai bahasa-bahasa lain, kita tidak harus teragak-agak menguasai bahasa-bahasa ini. Dengan keupayaan membaca buku-buku dalam bahasa lain, kita akan memperolehi ganjaran yang tidak ternilai harganya.

Pelancaran Tahun Membaca 1988
21 Januari 1988
Kuala Lumpur

Orang yang bijaksana ialah orang yang benar-benar mengenalpasti punca sesuatu masalah itu, serta bersedia membantu mengatasi dan mengurangkan masalah-masalah tersebut; dan bukan pula berbuat sebaliknya.

Perasmian Majlis Perhimpunan
Guru-guru Tahmir Masjid Seluruh Malaysia
2 Ogos 1988
Kuala Lumpur

Tidak sesiapa boleh menafikan peranan penting yang boleh dimainkan oleh media massa dalam pembangunan Malaysia. Jika diakui bahawa kebebasan akhbar menjadi sebahagian daripada demokrasi, tetapi kebebasan secara 'absolute' membawa keburukan.

Majlis Malam Wartawan Malaysia 1988

19 November 1988

Kuala Lumpur

Musuh kita yang besar sekali ialah diri kita sendiri. Terdapat sikap yang negatif dikalangan kita yang menyebabkan kita selalu memandang rendah terhadap kebolehan kita dan membesar-besarkan kebolehan orang lain.

Majlis Malam Wartawan Malaysia 1988

19 November 1988

Kuala Lumpur

Terdapat tiga faktor penting untuk memastikan kejayaan negara dalam memajukan sains dan teknologi. Pertama, ialah kesediaan daripada segi sikap dan pengetahuan golongan ahli-ahli sains dan teknologi untuk memberikan sumbangan, terutamanya dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau R&D. Keduanya ialah kesediaan kerajaan untuk menyediakan infrastruktur, dasar dan program untuk mendukung cita-cita tersebut. Akhir sekali ialah kesediaan golongan usahawan untuk memperalatkan hasil kajian sains dan teknologi bagi menerokai bidang perusahaan baru, serta bersedia untuk mengambil risiko dalam bidang-bidang ini.

Pelancaran Minggu Sains dan Teknologi Kebangsaan 1989

14 Ogos 1989

Kuala Lumpur

Kualiti ialah sesuatu keadaan yang cemerlang atau amat baik tetapi kebaikan itu tidak terhad atau tetap pada sesuatu tahap. Ianya tidak statik. Ia bergerak sepanjang masa. Justeru itu apabila sahaja kita mencapai kualiti yang kita kejar, kita mendapati adalah lagi kualiti yang lebih tinggi yang mesti kita kejar.

Pelancaran Gerakan Budaya Kerja Cemerlang
27 November 1989
Kuala Lumpur

Kualiti hidup yang baik bermula daripada budaya kerja yang cemerlang. Justeru itu, walaupun tumpuan kita adalah terhad hanya kepada budaya kerja yang cemerlang, tetapi ia mempunyai potensi dan kesan yang lebih luas dan menyeluruh.

Pelancaran Gerakan Budaya Kerja Cemerlang
27 November 1989
Kuala Lumpur

Tamadun manusia tidak statik dan beku. Ia berubah sepanjang masa. Kadang-kadang perubahan adalah kearah kemunduran, tetapi kerap kali ia adalah ke arah kemajuan. Samaada tamadun menjadi lebih mundur atau maju, yang pasti ialah perubahan berlaku. Dalam keadaan yang berubah-ubah ini kita juga perlu mengubah-ubah pendekatan kita.

Majlis Malam PPTD
3 Disember 1989
Kuala Lumpur

Untuk membina satu negara yang bersatupadu, rakyat perlu mempunyai satu visi yang sama mengenai negara yang hendak dibentuk itu.



*Sambutan Ulangtahun Ke 15 Rukun Tetangga
4 Januari 1990
Kuala Lumpur*

Walau apa juga yang kita pelajari, kita tidak harus lupa akan nilai-nilai asas pengurusan yang cekap. Nilai-nilai asas penting ini termasuklah amanah, kejujuran, bersikap positif, berinisiatif dan semangat saling kerjasama. Nilai-nilai asas ini hendaklah sentiasa diamalkan.

*Majlis Makan Malam Perpisahan Ketua Setiausaha Negara
3 Februari 1990
Kuala Lumpur*

Kecekapan pengurusan adalah fakta yang penting dalam membawa kejayaan kepada masyarakat atau kumpulan dalam masyarakat. Sama ada dalam bidang politik, perkhidmatan atau ekonomi, pengurusan mencerminkan peranan yang amat penting.

*Perasmian Seminar Etika Pengurusan
13 Mac 1990
Selangor*



Didikan dan semaian nilai yang baik berkenaan dengan kebersihan dan keindahan perlu dibuat oleh ibubapa di rumah, guru-guru di sekolah dan ketua-ketua di tempat kerja. Didikan dan asuhan hendaklah dibuat sepanjang masa sehingga rakyat Malaysia memandang jijik sebarang kekotoran dan amalan yang kotor.



*Pelancaran Program Bersih dan Indah Peringkat Kebangsaan
24 Jun 1990
Ipoh, Perak*

Kemerdekaan sahaja tidak bermakna jika selepas merdeka negara tidak mencapai kemajuan.

*Perutusan Hari Kebangsaan
30 Ogos 1990
RTM, Kuala Lumpur*

Keagungan seseorang insan dapat diukur dengan dua cara. Pertamanya, dengan melihat amalannya – apa yang dilakukannya, dan apa yang telah dilaksanakannya sepanjang hayatnya. Kedua, keperibadiannya.

*Usul Ucapan Takziah Di Atas Kembalinya
Ke Rahmatullah Al-Marhum Yang Teramat Mulia
Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj
10 Disember 1990
Kuala Lumpur*



Keadaan aman dan stabil serta kemahiran yang kita semua nikmati bukanlah datang dengan sendirinya tetapi juga adalah usaha gigih dan tekun yang telah sama-sama disumbangkan oleh rakyat berbilang kaum di negara ini.

Perutusan Tahun Baru 1991

31 Disember 1990

Kuala Lumpur

Tamadun dan kemajuan satu-satu bangsa itu tidak pernah dicipta dalam sekelip mata. Ianya terpaksa melalui satu proses yang agak lama dengan beberapa syarat tertentu yang harus dimiliki oleh satu-satu bangsa itu termasuk sifat kreatif, ketubuhan kepada satu-satu idea yang baru, sentiasa ingin tahu, positif terhadap alam dunia, responsive terhadap perjalanan sejarah dunia, inovatif, rajin dan tekun, berakhlak mulia dan murninya mengamalkan nilai-nilai yang baik.

Majlis Pelancaran Operasi Pungutan Zakat Secara Korporat

8 Mac 1991

Kuala Lumpur

Pendidikan merupakan faktor penting dalam usaha kita membangunkan negara. Rakyat yang terpelajar dapat memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara yang pesat serta mewujudkan masyarakat yang mampu bersaing dengan negara-negara yang maju.

Perasmian Pameran Pendidikan British

28 Mac 1991

Kuala Lumpur

Negara ini adalah komited terhadap meningkatkan taraf pembangunan supaya pada tahun 2020 kita boleh ditakrifkan sebagai negara maju. Untuk mencapai matlamat ini kita perlu menguasai semua jenis ilmu dan teknologi yang kebanyakannya boleh diperolehi dalam bahasa asing, terutama dalam bahasa Inggeris.

*Perasmian Pameran Pendidikan British
28 Mac 1991
Kuala Lumpur*

Penguasaan bahasa Inggeris akan membuka pintu kepada hampir semua ilmu lama dan moden. Adalah tidak merugikan jika kita menguasai bahasa Inggeris di samping penguasaan bahasa Ibunda.

*Perasmian Pameran Pendidikan British
28 Mac 1991
Kuala Lumpur*

Perpaduan yang ingin kita pupuk di negara ini ialah satu keadaan di mana rakyat berbilang keturunan dan agama di Malaysia mempunyai satu perasaan kekitaan dan beridentiti sebagai warganegara dan bangsa Malaysia yang mampu melampaui batasan identiti kaum dan negeri mereka. ...bangsa yang bersatupadu yang ingin kita bentukkan juga harus berlandaskan kepada semangat kesetiaan, ketaatan dan patriotisme yang tinggi yang tidak berbelah bahagi kepada negara.

*Majlis Perasmian Mesyuarat Panel Penasihat Perpaduan Negara
27 Mei 1991
Kuala Lumpur*

Tugas menjaga kepentingan ekonomi negara dalam perhubungan antarabangsa jauh lebih rumit daripada hanya mencari sahabat politik. Dalam arena perdagangan antarabangsa, kawan dan kawan tidak mudah diasingkan. Kadang-kadang kawan politik boleh menjadi musuh ketat ekonomi.



*Upacara Perasmian Mesyuarat Ketua-Ketua Perwakilan Serta
Pelancaran Institut Diplomas dan Perhubungan Luar negeri
12 Ogos 1991
Kuala Lumpur*

Matlamat kita ialah mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bukan sahaja taat setia kepada negara tetapi juga mempunyai masa depan yang sama. Ke arah mencapai matlamat ini, kita perlu meningkatkan usaha menyatupadukan rakyat di samping menghapuskan perasaan syak-wasangka dan prejudis di antara satu sama lain.

*Majlis Perasmian Pameran dan Penyampaian Hadiah
Pertandingan Fotografi Muhibah
9 September 1991
Kuala Lumpur*

Bangsa Malaysia pada tahun 2020 akan mempunyai identitinya tersendiri, tidak bercorak negara asal mana-mana kaum. Kita akan mempunyai budaya dan seni yang khusus berbentuk Malaysia. 'Confidence' semua warga negara akan kebolehan mereka adalah sama dalam semua bidang. Pencapaian juga tidak lagi dapat dikaitkan dengan kaum.

*Majlis Konvokesyen Kolej Tunku Abdul Rahman
5 Oktober 1991
Kuala Lumpur*



Sistem keluarga sebagai institusi asas masyarakat perlu dikekalkan dan diperkukuhkan kerana keluarga ialah penerima dan penyumbang kepada pembangunan negara. Kekuatan dan keutuhan sesuatu keluarga dapat mempengaruhi dan menjamin kestabilan sesuatu masyarakat.

*Perutusan Sempena Perayaan Hari Keluarga Kebangsaan 1991
10 November 1991
Kuala Lumpur*

Membentuk sesuatu matlamat atau wawasan adalah perkara yang amat mudah. Siapa sahaja boleh mencipta cita-cita besar. Tetapi diantara cita-cita atau wawasan dengan kemampuan mencapainya terdapat kearah yang amat dalam dan lebar serta rintangan yang amat besar.

*Perutusan Sempena Perayaan Hari Keluarga Kebangsaan 1991
10 November 1991
Kuala Lumpur*

Selagi kita jahil dalam bidang-bidang pengetahuan dan kecekapan yang terdapat dizaman ini selama itulah kemerdekaan kita mudah digugat dan kita terpaksa tunduk kepada kuasa asing.

*Perutusan Sempena Perayaan Hari Keluarga Kebangsaan 1991
10 November 1991
Kuala Lumpur*

Membentuk sesuatu matlamat atau wawasan adalah perkara yang amat mudah. Sesiapa sahaja boleh mencipta cita-cita besar. Tetapi diantara cita-cita atau wawasan dengan kemampuan mencapainya terdapat lurah yang amat dalam dan lebar serta rintangan yang amat besar.


*Perutusan Sempena Perayaan Hari Keluarga Kebangsaan 1991
10 November 1991
Kuala Lumpur*

Berjaya atau tidak seseorang, atau satu kaum, atau satu bangsa bergantung kepada sifat-sifat yang ada pada individu, kaum ataupun bangsa itu. Jika pihak-pihak ini tidak rajin, tidak jujur, tidak mempunyai pandangan yang jauh, tidak tertib dan tidak mempunyai etika yang mulia, mereka tetap akan gagal.

*Perutusan Tahun Baru 1992
31 Disember 1991
Kuala Lumpur*

Apabila etika mulia diserapkan kedalam budaya bangsa yang mundur, dalam jangkamasa yang singkat, bangsa itu akan maju. Demikian juga dengan kaum atau individu. Oleh itu, Malaysia yang ditakrif negara membangun mampu mencapai taraf negara maju jika kita sanggup mengamalkan etika kerja dengan sifat-sifat yang mulia.

*Perutusan Tahun Baru 1992
31 Disember 1991
Kuala Lumpur*



Manusia yang dikurniakan dengan akal fikiran dan tenaga tidak harus menunggu segala-galanya datang bergolek kepada mereka. Manusia perlu berfikir dan berusaha sebagai penghargaan kepada segala kurniaan tuhan. Hanya setelah segala ikhtiar dibuat barulah kita boleh berkata bahawa sesuatu itu telah ditakdirkan.

Perutusan Tahun Baru 1992

31 Disember 1991

Kuala Lumpur

Kebebasan yang tidak terhad yang dipuja oleh bangsa-bangsa barat akan membinasakan kita dan menyebabkan kita ketinggalan selama-lamanya. Kita harus mengekalkan aspek-aspek nilai dan budaya lama kita yang menghormati peraturan-peraturan dan sekatan terhadap kebebasan di tahap yang munasabah. Institusi-institusi seperti keluarga dan perkahwinan, perlu dihormati dan disanjung tinggi. Bersopan santun dan beradat resam, berdisiplin dan ketertiban perlu dikekalkan.

Hari Belia 1992 dan Pelancaran Anugerah Remaja Perdana

5 Mei 1992

Perak

Untuk maju kita perlulah membendung nafsu dan mengamalkan nilai dan budaya yang mulia, yang memelihara maruah dan kehormatan bangsa.

Hari Belia 1992 dan Pelancaran Anugerah Remaja Perdana

5 Mei 1992

Perak

...produktiviti dan kualiti bukan sahaja setakat menyelesaikan tugas mengikut jadual atau menghasilkan kerja yang lebih banyak pada masa yang singkat atau mengelakkan pembaziran. Ia adalah lebih daripada itu.

Konvensyen CUEPACS Ke 19

22 Jun 1992

Kuala Lumpur

Sebagai pemimpin, mereka hendaklah membantu membentuk jentera kerajaan atau struktur perkhidmatan awam yang mantap, melalui pekerja-pekerja yang komited, jujur, insaf, rajin dan mengutamakan rakyat dan negara dalam mencurahkan khidmat dan tugas mereka. Pemimpin dan kaum pekerja yang hanya mementingkan diri sendiri tidak mempunyai hak dan tempat untuk terus duduk dalam sektor perkhidmatan awam.

Konvensyen CUEPACS Ke 19

22 Jun 1992

Kuala Lumpur

Dalam usaha membangunkan negara, kita mestilah sentiasa peka kepada tujuan hidup kita yang bukan semata-mata untuk memenuhi keperluan kehidupan. Matlamat kita untuk membentuk negara maju adalah untuk kesejahteraan di dunia dan juga akhirat. Untuk itu kita mestilah mengimbangi kehidupan kita dengan keperluan kebendaan dan kerohanian bagi mencapai tahap kesejahteraan yang sebenar.

Pelancaran Program 'Rumahku Syurgaku'

1 Julai 1992

kuala Lumpur

Keluarga adalah satu unit yang penting dalam masyarakat. Keluarga menentukan asas-asas yang mulia untuk kehidupan dapat diteruskan. Tanpa keluarga tidak akan ada kesinambungan nilai hidup dikalangan generasi yang menurut. Dengan itu segala-galanya dilakukan mengikut nafsu individu semata-mata. Masyarakat yang dipenuhi dengan anggota yang hanya mengikut nafsu tidak akan tenteram dan tidak mungkin maju jaya.

Pelancaran Program 'Rumahku Syurgaku'

*1 Julai 1992
Kuala Lumpur*

Tanpa ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan adalah agak sukar bagi belia untuk mengharungi kesulitan kehidupan masa dan apatah lagi hendak memajukan negara. Ini boleh menjejaskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan yang hendak dicapai selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Pelancaran Memoriol Tunku Abdul Rahman Putra

*7 Julai 1992
Kuala Lumpur*

Masyarakat yang tidak mempunyai 'moral values' yang tinggi tetap akan mengalami masalah sosial dan keresahan sepanjang masa. masyarakat tanpa morality bukan sahaja tidak mungkin maju tetapi juga yang sudah maju pun akan kembali menjadi mundur.

*Hari Wanita
25 Ogos 1992
Kuala Lumpur*

Apa erti kemerdekaan jika kerana kita lemah dan miskin kita tidak berupaya mempertahankan perkara yang benar.

Perutusan Hari Kebajikan

30 Ogos 1992

RTM, Kuala Lumpur

Jalan yang hendak kita tuju menjelang tahun 2020 pasti tidak mudah dan akan dipenuhi berbagai-bagai cabaran. Setiap langkah yang kita ambil akan dihalangi dengan beraneka jenis rintangan. Namun demikian kita harus yakinkan diri akan kemampuan kita mencapai matlamat Wawasan 2020.

Perutusan Hari Kebajikan

30 Ogos 1992


RTM, Kuala Lumpur

Sistem keluarga sebagai institusi masyarakat perlu dikekalkan dan diperkukuhkan kerana keluarga adalah penerima dan penyumbang kepada pembangunan negara. Keutuhan dan kekuatan sesuatu keluarga dapat mempengaruhi dan menjamin kestabilan sesuatu masyarakat.

Hari Keluarga Kebangsaan 1992

10 November 1992

RTM, Kuala Lumpur



Di dalam usaha kita mengejar kemajuan, kita mahukan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, bertimbangrasa, taat, sopan, berdaya tahan, matang dan penyayang. Kualiti-kualiti unggul inilah yang boleh membawa kecemerlangan kepada generasi yang akan datang.

Hari Keluarga Kebangsaan 1992

10 November 1992

RTM, Kuala Lumpur

Kestabilan negara yang terus wujud adalah hasil kerjasama semua kaum yang sentiasa berusaha dengan bersungguh untuk menentukan perpaduan dan keharmonian kaum sentiasa terpelihara dinegara ini. Kunci utama kepada perpaduan yang kita banggakan ini adalah semangat toleransi dan sikap saling hormat menghormati antara satu sama lain yang kita amalkan. Dengan wujudnya perpaduan dan kerjasama yang sentiasa erat antara kaum ini, kita telah berjaya melahirkan sebuah negara yang terus stabil dari segi politik, ekonomi dan sosial. Kestabilan inilah juga yang telah membolehkan kita berjaya menarik pelaburan asing, salah satu faktor yang telah membantu kita mencatat pertumbuhan ekonomi yang sangat tinggi.

Perutusan Tahun Baru 1993

31 Disember 1992

RTM, Kuala Lumpur

Daya kreatif seseorang itu sebenarnya tiada batasnya. Ia tiada batasan agama, bangsa atau budaya. Sesiapa sahaja boleh menjadi seorang perekacipta dan pereka bentuk.

*Majlis Makan Malam Sempena MINDEX '93
16 Ogos 1993
Kuala Lumpur*

...anggota-anggota Perkhidmatan Awam perlu mendahulukan kepentingan awam daripada kepentingan diri dan melaksanakan tugas dengan jujur, adil bertanggungjawab dan cekap. Perlu wujud sikap 'akauntabiliti' di kalangan anggota Perkhidmatan Awam dalam semua tindakan demi menjaga kredibiliti Perkhidmatan Awam sebagai jentera kerajaan.

*Perasmian Kompleks JPA
2 Jun 1994
Kuala Lumpur*

Kita harus mengakui bahawa pembaikan atau improvement tidak ada hadnya - there is no limit to pursuit for excellence. Jika kita berusaha menyemak dan membuat penyelidikan, kita akan memenuhi cara-cara baru yang lebih baik sepanjang masa.

*Perasmian Kompleks JPA
2 Jun 1994
Kuala Lumpur*

Untuk menjadi sebuah negara industri penuh, kita tidak boleh hanya meniru dan menerima gaya cara kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara maju.

*Ekspo Kemahiran Hidup dan Reka Cipta Pelajaran
Peringkat Kebangsaan 1994*

7 Jun 1994

Kuala Lumpur

...bangsa dan kaum yang tertib dan berdisiplin semasa bekerja, menghormati jadual kerja dan mutu hasil kerja, tetap akan menjadi bangsa yang berjaya, dihormati dan disegani. Hanya bangsa ini sahaja yang dapat mempertahankan kemerdekaan mereka dan berpengaruh dalam masyarakat antarabangsa atau masyarakat berbilang kaum.

Hari Perhimpunan Desa Wawasan

28 November 1994



Pahang

Pembentukan budaya kerja yang sesuai dengan industri adalah penting. Sebenarnya kejayaan bangsa-bangsa perindustrian yang maju bukanlah disebabkan oleh penerokaan mereka dalam ilmu seperti kejuruteraan dan teknologi. Ini boleh dipelajari oleh sesiapa atau dibeli. Tetapi kejayaan mereka sebenarnya disebabkan oleh budaya kerja mereka iaitu berdisiplin, bertanggungjawab, rajin, tekun, menitikberatkan mutu pengeluaran dan mengelakkan daripada sebarang kecacatan.

Hari Perhimpunan Desa Wawasan

28 November 1994

Pahang



Sekolah juga memainkan peranan penting dalam pembentukan budaya. Justeru itu, latihan dan teladan di sekolah hendaklah ditumpukan kepada pembentukan budaya dan nilai hidup yang mulia.



*Perutusan Tahun Baru 1995
31 Disember 1994
RTM, Kuala Lumpur*

Bangsa yang hanya pandai bercakap tetapi tidak mempunyai apa-apa kejayaan yang jelas akan diketawakan dan dihina oleh orang.

*Perutusan Tahun Baru 1995
31 Disember 1994
RTM, Kuala Lumpur*

Sumber yang paling utama bagi sesebuah negara selain daripada pengeluaran sumber asli ialah bakat, kemahiran, daya cipta dan daya usaha rakyatnya sendiri. Kekuatan minda kita jauh lebih hebat dan berharga daripada sumber alam yang ada.

*Pelancaran Yayasan Program Pertukaran Fellowship Perdana
Menteri Malaysia
14 Julai 1995
Kuala Lumpur*



Masa depan negara banyak bergantung pada pelaburan untuk pendidikan rakyat. Kita semua tahu proses pendidikan tidak berhenti pada mana-mana peringkat pencapaian atau usia. Pendidikan merupakan proses yang berpanjangan malah sepanjang hayat.

*Pelancaran Yayasan Program Pertukaran Fellowship Perdana
Menteri Malaysia
14 Julai 1995
Kuala Lumpur*

Orang Melayu pernah mengharungi lautan dan menakluk tanah-tanah asing. Pendatang dari China dan India tidak akan sampai ke mari kalau mereka tidak cukup berani dan bersemangat waja.

*Pelancaran Yayasan Program Pertukaran Fellowship Perdana
Menteri Malaysia
14 Julai 1995
Kuala Lumpur*

Kita harus mempersiapkan minda untuk mendaki gunung paling tinggi, meneroka laut paling dalam dan mencuba bidang paling asing sekalipun.

*Pelancaran Yayasan Program Pertukaran Fellowship Perdana
Menteri Malaysia
14 Julai 1995
Kuala Lumpur*

Segala usaha untuk memakmurkan negara memerlukan pengorbanan serta penggemblengan tenaga yang menyeluruh.

*Upacara Menandatangani Perjanjian Mengenai Penubuhan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya
20 Julai 1995
Kuala Lumpur*

Manusia yang lemah sekalipun jika bersatu padu akan dapat menggoncang dunia. Demikianlah kesannya perpaduan.


*Pelancaran Keris Motion Sdn. Bhd.
31 Oktober 1995
Kuala Lumpur*

Manusia yang hidup dalam masyarakat perlu menggugurkan sebahagian daripada kebebasan diri dan mengorbankan kepentingan diri untuk kepentingan masyarakat.

*Pelancaran Keris Motion Sdn. Bhd.
31 Oktober 1995
Kuala Lumpur*

Jika sesuatu kerja diulang dan diulang, kecekapan tetap akan diperolehi.

*Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kepada Kakitangan
Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn. Bhd. (AMM)
2 November 1995
Pahang*



Pendidikan adalah satu pelaburan yang besar dan sangat penting pada negara.

*Upacara Meletak Batu Asas Universiti Malaysia Sabah
28 November 1995
Sabah*

Maju mundurnya sesuatu bangsa tidak bergantung kepada keturunan, kaum atau warna kulit...Maju mundurnya sesuatu bangsa bergantung kepada budaya bangsa itu. Dan budaya bukan sesuatu yang tetap dan tidak dapat diubah. Budaya berubah sepanjang masa dan boleh dicorak secara sengaja.


*Perutusan Tahun Baru 1996
31 Disember 1995
Kuala Lumpur*

Kecacatan seseorang bukanlah penghalang untuknya maju dan bergerak sama dalam membangunkan sesebuah negara.

*Pelancaran Ke Arah Kecemerlangan Orang Kurang Upaya
12 Januari 1996
Kuala Lumpur*

Bangsa yang maju perlu memiliki budaya yang halus yang meletakkan nilai-nilai yang mulia di tahap yang tinggi.

*Perutusan Hari Kebangsaan Ke 39
30 Ogos 1996
RTM, Kuala Lumpur*



Kebaikan tetap membuahkan kebaikan yang nyata yang tidak perlu dijaga dan dilaungkan dengan megahnya.

Perutusan Hari Kebangsaan Ke 39

30 Ogos 1996

RTM, Kuala Lumpur

Tiada kunci yang tunggal yang boleh menentukan kejayaan jika faktor-faktor lain tidak sama kukuh dan berkualiti. Demikian juga walaupun bekerja kuat diperlukan untuk mencapai kejayaan, tetapi jika kita kerap membuat sesuatu yang salah, kejayaan tetap tidak akan dicapai. Oleh itu ingatlah bahawa semua faktor mesti diurus dan diusahakan dengan baik dan gigih jika kecemerlangan menjadi matlamat. Mungkin ini agak sukar untuk diusahakan. Tetapi jika hanya sebilangan kecil sahaja daripada faktor-faktor ini yang tidak diuruskan dengan sempurna, kejayaan masih boleh dicapai walaupun tidak begitu cemerlang.

Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan Simposium

Kebangsaan MS ISO 9000

6 Januari 1997

Kuala Lumpur

Kita jangan menidakkan kebolehan kita sendiri dan kalau kita tidak cuba kita takkan tahu sama ada kita boleh atau tidak boleh. Kalau kita pandang dari sudut yang negatif sahaja kita takkan buat apa pun.

Program 'Bersama Perdana Menteri'

26 Februari 1997

RTM, Kuala Lumpur



Dengan adanya banyak maklumat kita boleh menghadapi cabaran hidup dengan lebih berjaya, lebih yakin.

Program 'Bersama Perdana Menteri'

26 Februari 1997

RTM, Kuala Lumpur

Akal fikiran yang sihat akan menyumbang kepada kejayaan kita sebagai individu dan sebagai satu bangsa.

Perasmian Kompleks Sukan Negara

11 Julai 1998

Kuala Lumpur

Sepatutnya semasa kita mengejar kemewahan hidup diri kita tidak akan lupa akan tanggungjawab kita kepada agama, bangsa dan negara kita. Negara adalah tanggungjawab kita. Kita harus bersatu padu, bermuafakat dan saling bekerjasama dalam memaju dan memakmurkan semua rakyat dan negara kita. Jika kita pentingkan diri semata-mata maka rosaklah negara kita.

Perutusan Hari Raya Aidil Fitri

18 Januari 1999



RTM, Kuala Lumpur

Kita tidak akan tahu nasib kita dimasa akan datang ini - baik atau buruk. Tiada siapa dapat menduganya kecuali apabila kita berhadapan dengannya.

Perutusan Hari Raya Aidil Fitri

18 Januari 1999

RTM, Kuala Lumpur



Kita tidak lagi boleh berpeluk tubuh dan melihat orang lain terus maju seiring dengan kemajuan dunia. Kita tidak harus berpuashati dengan pencapaian dan kejayaan kita setakat ini. Kita tidak harus berada di takuk lama dan mengekalkan tabiat-tabiat yang usang dan buruk yang tidak menguntungkan kita selama ini. Kita tidak boleh membiarkan orang lain selalu mendahului kita. Kita harus dikejar dan bukan mengejar orang lain.

*Perutusan Hari Raya Aidil Fitri
18 Januari 1999
RTM, Kuala Lumpur*

Perpaduan dan persefahaman hendaklah dalam ertikata yang menyeluruh baik sesama insan, kaum, masyarakat dan juga diantara pihak agensi kerajaan dengan pihak swasta.

*Pelancaran Kumpulan Ikram Sdn. Bhd. dan Kolej Ikram
5 April 1999
Selangor*

Budaya memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan sama ada sesuatu bangsa itu maju atau mundur. Walaupun budaya kita adalah diwarisi tetapi pengaruh semasa juga memberi kesan dalam membentuknya. Oleh itu kita boleh secara sedar membentuk budaya yang boleh memberi kemajuan dan kekayaan kepada kita.

*Pelancaran Kumpulan Ikram Sdn. Bhd. dan Kolej Ikram
5 April 1999
Selangor*

...jika kita bersikap 'curious' selalu ingin tahu, ingin belajar, ingin selidik, ingin mencipta sesuatu yang baru, yang berlainan daripada apa yang sudah ada, tekun sehingga berjaya, tidak dapat tidak kita akan menjadi bangsa yang maju yang dapat bersaing dengan jayanya dengan orang lain.

*Pelancaran Kumpulan Ikram Sdn. Bhd. dan Kolej Ikram
5 April 1999
Selangor*

Rekod Perkhidmatan Awam Malaysia adalah cemerlang dan saya percaya tidak akan ada sesiapa daripada anggota perkhidmatan awam yang ingin mencemarkan rekod ini.... Perkhidmatan Awam Malaysia boleh berpuashati dan berbangga melihat bagaimana negara kita telah maju sejak kita merdeka. Inilah balasan yang terbesar yang lebih bermakna daripada apa yang kita dapati sebagai upah atau saguhati lain.

*Majlis Perdana Perkhidmatan Awam
24 Februari 2000
Kuala Lumpur*

Guru bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid tetapi bertanggungjawab juga kepada pembentukan peribadi murid iaitu nilai-nilai hidup yang dipegang olehnya dan budaya yang diterima olehnya.

*Perasmian Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 16 Mei
2000
Ipoh, Perak*

Pendidikan merupakan satu batu loncatan individu yang ingin maju dan juga bagi pembangunan bangsa dan negara ke arah kemajuan yang sama dengan negara-negara maju.



*Perasmian Kampus Induk Universiti Malaysia Sabah
19 September 2000
Kota Kinabalu, Sabah*

Keperluan kepada pembaharuan, motivasi ke arah penerokaan yang berinovasi tinggi dan cemerlang serta kefahaman yang mendalam di dalam berkarya, perlu mengambilkira peradaban agong dunia dan pembaharuan kehidupan kemanusiaan supaya seni itu akan dapat dipertahankan. Nilai-nilai baru akan terbentuk dan ini termasuk mengubah minda masyarakat di samping mengintegrasikan masyarakat. Peranan seni dalam ekonomi negara adalah penting dalam merealisasikan matalmat membangunkan kesenian dan peradaban yang unggul untuk negara.

*Perasmian Muzium Ibrahim Hussein
4 November 2000
Langkawi*

Ketinggian seni dan budaya juga mempengaruhi kemajuan bangsa berkenaan. Demikian bangsa yang berjaya membangun seni dan budaya yang tinggi biasanya lebih maju dan gagah daripada bangsa yang tidak dapat membentuk seni dan budaya yang tinggi.

*Majlis Pelancaran Hari Lanskap Negara
4 Mac 2001
Putrajaya*



Keindahan alam sekeliling memberi ketenangan kepada jiwa manusia. Ia juga boleh mendatangkan inspirasi yang boleh menghasilkan idea dan meningkatkan kreativiti atau pembentukan pemikiran yang unik dan istimewa yang mana ini bukan sahaja akan menyumbang kepada pencapaian diri sendiri tetapi juga masyarakat. Jiwa yang tenang di kalangan anggota masyarakat juga akan menjadikan masyarakat lebih stabil dan lebih berdaya maju.



*Majlis Pelancaran Hari Lanskap Negara
4 Mac 2001
Putrajaya*

Ilmu pengetahuan tanpa nilai-nilai yang mulia belum tentu akan dapat melahirkan masyarakat yang baik dan berjaya. Nilai-nilai yang mulia tanpa ilmu pengetahuan juga tidak akan melahirkan masyarakat yang berjaya.

*Majlis Konvesyen Perdana Pendidikan Kebangsaan 2001
19 April 2001
Genting Highlands*

Warga pendidik yang peka dan prihatin dapat mengasuh dan menyemai kualiti-kualiti yang boleh memberi keupayaan kepada rakyat mempertimbangkan di antara yang baik dengan yang buruk.

*Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan
16 Mei 2001
Melaka*



Masyarakat tidak mungkin bergerak ke hadapan jika kita hanya mengulangi apa yang telah diamalkan oleh nenek moyang kita. Sebaliknya masyarakat yang ingin tahu dan ingin cuba yang baru akan sentiasa memeriksa dengan halus apa sahaja yang sedang dibuat untuk mencari jalan supaya bahan atau cara membuat sesuatu dapat diperbaiki lagi dan hasil yang lebih baik diperolehi.



*Upacara Perasmian Sambutan Jubli Perak Kementerian Sains,
Teknologi dan Alam Sekitar
2 Julai 2001
Kuala Lumpur*

Orang yang suka mengkaji dan meneliti untuk mendapat ilmu pengetahuan dan kemudian mencipta cara-cara baru untuk mengeluarkan barangan yang semakin diperlukan oleh masyarakat manusia yang bertambah adalah orang yang kian maju dan berjaya serta kehidupan mereka menjadi lebih selesa.

*Upacara Perasmian Sambutan Jubli Perak Kementerian Sains,
Teknologi dan Alam Sekitar
2 Julai 2001
Kuala Lumpur*

Pelajaran adalah satu perkara yang amat penting bagi negara dan bagi rakyatnya.

*Majlis Pelancaran Universiti Tunku Abdul Rahman
13 Ogos 2002
Kuala Lumpur*



'Education must be holistic. It must result in a rounded man, a man who is not merely an expert in a particular subject but who is able to relate to the society he is in. It must be able to apply his knowledge and his intellect to the betterment of his fellow - man. Knowledge without morality is not only non-productive but it can harmful. The truly educated man must therefore know what he owes to society and how he can repay it with his knowledge'.



*Majlis Pelancaran Universiti Tunku Abdul Rahman
13 Ogos 2002
Kuala Lumpur*

'The price of the freedom is eternal vigilance'.

*Perutusan Hari Kebangsaan Ke 45
30 Ogos 2002
Putrajaya*



BAHAGIAN TIGA: POLITIK



Kuasa bermaksud bertanggungjawab. Kuasa tanpa tanggungjawab bermakna anarki ataupun 'dictatorship'. Siapa yang memiliki masa tidak penting. Tanpa sikap bertanggungjawab oleh pihak yang berkuasa, anarki dan 'dictatorship' tetap akan wujud.

Upacara Penyampaian Anugerah Akhbar Malaysia 1981

28 November 1982

Kuala Lumpur

Nasionalisme yang sesuai bagi setiap masa ialah nasionalisme yang menjadi pendorong individu dan masyarakat untuk bergerak mencapai aspirasi yang mulia dari segi kemajuan fizikal dan "spiritual". Individu yang perlu dilahirkan ialah individu yang mempunyai sistem nilai yang menyeluruh, yang insaf tentang peranan dan tanggungjawab terhadap diri dan masyarakatnya, yang berteraskan moral dan didorong oleh semangat inginkan kejayaan dan kebahagiaan.

Konvensyen Pendidikan Kelapan

1 Ogos 1983

Tanjung Malim Perak

Demokrasi memberi kebebasan kepada kita, tetapi kebebasan itu tidaklah sehingga kita dan demokrasi juga akan musnah.

Majlis Perasmian Perayaan 25 Tahun Parlimen Malaysia

30 Mac 1985

Kuala Lumpur

Nasionalisme mempunyai unsur-unsur positifnya sendiri. Satu-satunya unsur itu ialah perpaduan.

Perutusan Hari Kebangsaan Yang Ke-28

30 Ogos 1985

Tanggungjawab dan perjuangan kita pada hari ini merupakan penerusan daripada apa yang telah diperjuangkan dahulu iaitu memenuhi cita-cita rakyat untuk mencorakkan negara ini mengikut dasar-dasar yang telah ditentukan dan mengekalkan kemerdekaan dan kemakmuran negara ini buat selama-lamanya serta mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi yang ada sekarang.

Perasmian Pameran "Bangsa Tegus Negara Teguh"

28 Ogos 1986



Kuala Lumpur

Para pemimpin merupakan sumber inspirasi rakyat dan penggerak utama dalam melaksanakan apa jua dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Para pemimpin negara seharusnya mempunyai cita-cita atau 'vision' yang jauh ke hadapan.

Majlis Malam Wartawan Malaysia 1988

19 November 1988

Kuala Lumpur



Keagungan sesuatu bangsa itu ditentukan oleh kepentingan yang diberikan pada sejarah. Sejarah merupakan suatu yang amat bernilai. Sejarah adalah gedung pengalaman. Bangsa yang agung adalah bangsa yang menempuh sejarah dan mahu mempelajari sesuatu daripada sejarah. Sesuatu bangsa yang tidak mempelajari sesuatu daripada sejarah akan terus melakukan kesalahan berkali-kali yang akan berakhir dengan keruntuhan bangsa itu. Daripada sejarah kita menghargai kehormatan diri kita. Daripada sejarah juga kita dapat menginsafi kedudukan kita dalam sejarah kemanusiaan dan alam semesta. Sejarah akan memberi kita tenaga dan landasan didalam menempa dan membentuk tamadun yang baru.

Pelancaran Memoriol Tunku Abdul Rahman Putra

7 Julai 1992


Kuala Lumpur

Kejayaan kita membangunkan ekonomi negara adalah kerana wujudnya kerjasama dan perpaduan yang semakin erat di kalangan semua kaum di semua peringkat. Justeru itu, bagi menjamin pembangunan ekonomi yang pesat ini berterusan, amatlah penting kita berusaha meningkatkan lagi kerjasama dan mengukuhkan perpaduan di kalangan kita semua.

Perhimpunan Agung Tahunan MCA

15 Ogos 1992

Kuala Lumpur



Sebenarnya yang membezakan suatu bangsa dengan bangsa yang lain bukanlah keturunan atau rumpun bangsa, atau warna kulit atau negara atau wilayah. Yang membezakan bangsa adalah budaya, iaitu jumlah semua nilai hidup yang dipegang dan diamal oleh bangsa-bangsa berkenaan. Dan budayalah yang menentukan pencapaian sesuatu bangsa.

Perhimpunan Agung Tahunan MCA
15 Ogos 1992
Kuala Lumpur

Mereka yang menggunakan tongkat sepanjang masa akan menjadi semakin lemah kerana anggota mereka tidak digunakan sepenuhnya dan akan hilang upaya. Tongkat hanya berguna dan harus diguna untuk mengatasi kelemahan yang sementara. Apabila sudah pulih, tongkat mesti dilepaskan dan kita berdiri diatas kaki sendiri.

Perhimpunan Agung UMNO 1992
6 November 1992
Kuala Lumpur

Sekali kewarasan fikiran diganti dengan emosi, amatlah sukar bagi mereka yang membangkitkan perasaan ini meredakan keadaan.

Perhimpunan Agung UMNO 1992
6 November 1992
Kuala Lumpur

Bagi mereka yang sanggup berusaha kuat dan tabah menghadapi cabaran, mereka boleh berjaya.

Perhimpunan Agung MIC 1993

7 Ogos 1993

Kuala Lumpur

'Self-confident' sahaja tidak mencukupi. Tidak kurang penting adalah keharmonian dan perpaduan kaum yang merupakan asas utama kepada kestabilan negara. Asas ini hendaklah sentiasa dipelihara.

Perhimpunan Agung Tahunan MCA

18 Jun 1994

Kuala Lumpur

Orang yang sanggup membeli undi tidak akan segan silu menjual dirinya apabila ia berkuasa sebagai pemimpin. Yang akan diutamakan bukanlah perjuangan agama, bangsa dan tanahair. Yang akan diutamakan ialah dirinya sendiri, pengekalan dirinya sebagai pemegang jawatan dan pengumpulan harta kekayaan bagi dirinya. Orang seperti ini akan menjual negara dan bangsanya. Orang seperti ini tidak mempunyai maruah dan tanggungjawab.

Perhimpunan Agung Khas UMNO

19 Jun 1994

Kuala Lumpur

Dalam masyarakat yang berbudaya rasuah, segala keburukan kerananya akan dipikul oleh semua anggota masyarakat, pemberi dan penerima. Sesungguhnya tidak ada sedikitpun kebaikan bagi sesiapa daripada amalan rasuah, sama ada secara terbuka atau tertutup.

Perhimpunan Agung Khas UMNO

19 Jun 1994

Kuala Lumpur

Kita tidak boleh anggap semua yang kita buat adalah betul. Jika kita bertanggungjawab kita hendaklah sanggup mengkritik dan menegur diri kita.

Persidangan Perwakilan Ke 24 Parti Gerakan Rakyat Malaysia

22 Julai 1995

Kuala Lumpur

...dalam apa jua perjuangan memang ada ups and downs. Sekarang kita up. Kita boleh kekal di tahap ini hanya jika kita berjaga-jaga, bertanggungjawab dan tidak angkuh dan sombong. Jika kita lalai dan sombong kita tetap akan jatuh.

Persidangan Perwakilan Ke 24 Parti Gerakan Rakyat Malaysia

22 Julai 1995

Kuala Lumpur

Sudah tentulah ada pihak yang lebih bernasib baik. Ini kerana tidak semua manusia mempunyai kebolehan, keupayaan dan kelayakan yang sama untuk mencari kekayaan. Yang lebih berupaya dan bersedia bekerja lebih kuat sudah tentulah memperolehi lebih.

*Perhimpunan Agung MIC Ke 42
16 September 1995
Kuala Lumpur*

Sekiranya kita sanggup menghadapi risiko dan bersikap berani, tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berjaya.



*Perhimpunan Agung MIC Ke 42
16 September 1995
Kuala Lumpur*

Kita boleh mendaki bersama ke tempat yang lebih tinggi jika kita tidak gugurkan sifat-sifat dan budaya yang telah membawa kita ke tahap ini.

*Perhimpunan Agung UMNO 1995
24 November 1995
Kuala Lumpur*

Dalam perjuangan manusia, puncak tidak ditetapkan. Ia boleh ditentukan oleh pejuang itu sendiri. Dengan itu ada bangsa yang naik tidak begitu tinggi dan sampailah mereka ke puncak gunung perjuangan mereka. Kemudian mereka tidak boleh naik lagi.

*Perhimpunan Agung UMNO 1995
24 November 1995
Kuala Lumpur*



Bangsa yang tertib dan berpasukan kukuh, bangsa yang tidak berebut-rebut ketika mendaki dan semasa di puncak, bangsa yang mulia budayanya, akan menjadi bangsa yang agung, bertamadun tinggi, dihormati dan disegani.

Perhimpunan Agung UMNO 1995

24 November 1995

Kuala Lumpur

Kemerdekaan dan kebebasan kita ini adalah kerana hingga kini kita berjaya menggunakan demokrasi untuk mendirikan Kerajaan yang stabil dan berwibawa yang dapat membangunkan negara.

Perhimpunan Agung UMNO 1995

24 November 1995


Kuala Lumpur

Ingatlah Melaka jatuh kerana ketamakan Kitol dan Raja Mendeliar. Ingatlah negeri-negeri Melayu dijajah kerana kakitangan Kerajaan mengaut sebahagian daripada hasil yang mereka kutip sehingga sampai kepada raja tidak banyak lagi.

Perhimpunan Agung UMNO 1995

24 November 1995

Kuala Lumpur



Yakinlah, dari bawah atau dari atas, penerimaan amalan apa sekalipun akan berkembang sehingga ia menjadi amalan keseluruhan masyarakat, keseluruhan bangsa.

Perhimpunan Agung UMNO 1995

24 November 1995

Kuala Lumpur

Yang harus kita yakin ialah bangsa kita yang selama 500 tahun telah dijajah, mundur, miskin, tidak berteknologi, tidak pandai berniaga atau mengeluarkan apa-apa barangan yang canggih; adalah bangsa yang tidak kurang berpeluang dan berkemungkinan untuk menjadi bangsa yang termaju; yang mampu bersaing dengan sesiapa sahaja; yang dapat menguasai semua ilmu dan menjadi bangsa yang bermaruah dan dihormati dunia.

Perhimpunan Agung UMNO 1995

24 November 1995

Kuala Lumpur

... kita perlu mengejar kemajuan sehingga jika kita terjatuh sekalipun, kita tidak akan menjadi semula bangsa yang terhina, yang ditindas dan dipijak-pijak.

Perhimpunan Agung UMNO 1995

24 November 1995

Kuala Lumpur

Adalah lebih baik bahasa kita kekal sebagai bahasa bangsa yang maju daripada menjadi bahasa bangsa yang mundur dan sudah hilang dari muka bumi ini.

Perhimpunan Agung UMNO 1995

24 November 1995

Kuala Lumpur

Di zaman maklumat ini manusia yang tidak mempunyai maklumat walau bagaimana fasih sekalipun dalam bahasa sendiri akan ketinggalan zaman, akan mundur dan akan dijajah oleh orang lain.

Perhimpunan Agung UMNO 1995

24 November 1995

Kuala Lumpur

Kita mempunyai pilihan, oleh itu pilihlah. Dan bertanggungjawablah akan pilihan kita itu.

Perhimpunan Agung UMNO 1995

24 November 1995

Kuala Lumpur

Jika kita tahu akan kesalahan yang sebenar, kita akan dapat mengelak daripada mengulanginya.

Perhimpunan Agung UMNO 1995

24 November 1995

Kuala Lumpur

Pencapaian dan kemajuan masyarakat manusia bergantung kepada sistem nilai yang diterimapakai oleh sesuatu masyarakat.

*Konvensyen UMNO Sempena Ulangtahun Yang Ke 50
11 Mei 1996
Kuala Lumpur*

Masyarakat yang bertamadun tinggi ialah masyarakat yang lebih tersusun dan tertib.

*Konvensyen UMNO Sempena Ulangtahun Yang Ke 50
11 Mei 1996
Kuala Lumpur*

Apabila kita hitungkan nasib baik kita, maka kita akan rasa lebih tenang.

*Perhimpunan Agung MCA Ke 43
6 Julai 1996
Kuala Lumpur*

Pertukaran boleh dibuat asalkan ia dibuat secara tersusun dan teratur, aman dan selamat. Boleh tidak adanya pertukaran walaupun pertukaran boleh dibuat tidak bermakna politik negara tidak sihat dan tidak demokratik.

*Perhimpunan Agung MIC Ke 43
Ogos 1996
Kuala Lumpur*

Kita hendaklah sentiasa bertindak in unison dalam menangani apa-apa masalah atau dalam membuat apa-apa keputusan.

Mesyuarat Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru)

3 September 1996

Kuala Lumpur

Perjuangan bangsa kita belum selesai. Masih banyak yang perlu diperjuangkan, diusahakan, sebelum kita dapat menjadi bangsa yang maju yang dihormati oleh dunia. Kita mempunyai bakat. Kita mempunyai kebolehan. Dan kita boleh.

Perhimpunan Agung UMNO

10 Oktober 1996

Kuala Lumpur

Jika kita sanggup berkorban dan akui bahawa orang lain juga terpaksa berkorban, dan kerana itu negara kita aman dan makmur, kita, daripada segi 'absolute' akan mendapat semua yang kita tuntut.

Perasmian Perhimpunan Agung MCA Yang Ke 44

30 Ogos 1997

Kuala Lumpur

'It is better to get a small portion of a big cake than to get all of a tiny one'.

Perasmian Perhimpunan Agung MCA Yang Ke 44

30 Ogos 1997

Kuala Lumpur

Walaupun kita menghadapi masalah sekarang kita tidak boleh kecewa. Sebaliknya kita harus menganggap masalah ini sebagai satu cabaran, satu challenge yang akan memberi pelajaran kepada kita, pelajaran yang akan menguatkan kita.



*Perasmian Perhimpunan Agung MCA Yang Ke 44
30 Ogos 1997
Kuala Lumpur*

...jika kita semua sentiasa ingat dan sedar akan liku-liku dan pahit maung perjuangan menuntut kemerdekaan; betapa semangat kerjasama yang erat terjalin antara pemimpin-pemimpin berbagai-bagai kaum semasa itu serta pengorbanan dan tolak-ansur yang dibuat oleh semua kaum, saya pasti kita tidak akan membangkitkan perkara-perkara yang boleh menyakiti mana-mana kaum.

*Perutusan Hari Kebangsaan
30 Ogos 1997
RTM, Kuala Lumpur*

Dunia tanpa sempadan boleh menjadi 'hutan liar' penuh dengan 'binatang buas' yang tidak menghiraukan undang-undang atau peraturan. Jika kita tidak sanggup menghadapi cabaran ini dengan bersifat lebih patriotik dan sanggup bekerja lebih kuat nescaya kita akan kembali dijajah semula.

*Perutusan Hari Kebangsaan
30 Ogos 1997
RTM, Kuala Lumpur*



Janganlah kita fikir sekali kita merdeka maka selama-lamanya kita akan merdeka. Jika kita tidak berusaha untuk memelihara kemerdekaan kita, penjajah secara langsung atau tidak langsung akan kembali menjajah kita.

*Perutusan Hari Kebangsaan
30 Ogos 1997
RTM, Kuala Lumpur*

Di zaman ini kita perlu kekuatan untuk mengelak daripada dijajah cara baru. Kekuatan yang dimaksudkan bukanlah kekuatan ketenteraan, walaupun sedikit sebanyak ia perlu. Kekuatan yang kita perlu adalah kekuatan yang datang dari kestabilan politik, kesihatan ekonomi, keadilan sosial, kecekapan pentadbiran dan penguasaan ilmu dan teknologi yang canggih yang tidak kurang daripada yang dimiliki oleh negara-negara maju yang lain.

*Perasmian Perhimpunan Agung UMNO
5 September 1997
Kuala Lumpur*

Kita akan boleh dengan percubaan yang berulangkali; kita akan boleh dengan kesanggupan bertekun, berusaha mempelajari, mencuba dan mencuba lagi sehingga kita boleh.

*Perasmian Perhimpunan Agung UMNO
5 September 1997
Kuala Lumpur*

Jika kita ingin menguasai ilmu dan kecekapan orang asing maka kita mesti bersedia mempelajari bahasa asing. Lebih tinggi penguasaan bahasa berkenaan, lebih mudahlah kita mempelajari ilmu yang diterokai dalam bahasa itu.

*Perasmian Perhimpunan Agung UMNO
5 September 1997
Kuala Lumpur*

Nasionalis yang sebenar ialah mereka yang berusaha supaya bangsa mereka maju dan mampu bersaing dengan jayanya dengan orang yang maju. Nasionalis yang sebenar ialah orang yang dihormati kerana ia daripada bangsa yang berjaya, yang boleh mengalahkan orang lain dalam apa bidang sekalipun. Nasionalis yang sebenar ialah orang yang dapat menentukan melalui kecemerlangannya, bangsanya dihormati dan disanjung tinggi.

*Perasmian Perhimpunan Agung UMNO
5 September 1997
Kuala Lumpur*

Kerajinan, ketekunan dan kesabaran atau masa adalah perlu untuk menuntut sesuatu.

*Perasmian Perhimpunan Agung UMNO
5 September 1997
Kuala Lumpurr*

...kita tidak boleh putus asa dan menyerah kalah. Kita mesti sanggup menghadapi cabaran, sanggup berkorban dalam mempertahankan kemerdekaan dan maruah kita. Perjuangan kita bukan sahaja belum selesai tetapi sudah menjadi lebih genting.

Perutusan Tahun Baru 1998

31 Disember 1997

RTM, Kuala Lumpur

Kita jangan mengharapkan sebarang balasan kerana kita mungkin kecewa apabila harapan tidak tercapai.

Perhimpunan Agung Tahunan Parti Progresif Penduduk

Malaysia (PPP) (Baru)

21 Februari 1998


Kuala Lumpur

Perasaan iri hati dan benci memang kuat dalam hati manusia. Tetapi manusia juga dikurniakan dengan akal dan fikiran, tahu apa dianya keadilan, tahu menimbang di antara sesuatu dengan yang lain walaupun dengan perkara yang tidak boleh ditimbang dan diukur secara fizikal.

Perhimpunan Agung UMNO

19 Jun 1998

Kuala Lumpur



Masyarakat manusia yang membenarkan diri mereka dikuasai oleh nafsu semata-mata tidak mungkin dapat mendirikan tamadun yang tinggi, tamadun yang berjaya, yang boleh membawa kebahagiaan hidup kepadanya.

*Perhimpunan Agung UMNO
19 Jun 1998
Kuala Lumpur*

Apabila negara menjadi miskin maka politiknya akan menjadi tidak stabil dan rebutan kuasa akan berlaku. Dengan itu pemimpin akan ditukar sehingga terdapat yang sanggup mengikut kehendak kuasa dunia. Dengan kata lain penjajahan sudah berlaku.

*Perhimpunan Agung UMNO
19 Jun 1998
Kuala Lumpur*

Walaupun kita percaya manusia tidak akan membuat sesuatu yang akan membinasakan dirinya, tetapi manusia kerap akan melakukan perkara-perkara yang tidak baik, yang akhirnya mendatangkan keburukan kepada dirinya. Kita tahu apa yang baik tetapi kita buat juga benda yang buruk mungkin kerana nafsu atau kerana keuntungan jangka pendek.

*Perhimpunan Agung UMNO
19 Jun 1998
Kuala Lumpur*

Manusia yang 'survive', manusia yang berjaya ialah manusia yang selalu berhati-hati apabila sesuatu yang baru diperkenalkan, manusia yang selalu 'mencari udang di sebalik batu'.

*Perhimpunan Agung UMNO
19 Jun 1998
Kuala Lumpur*

Tanpa pentadbiran yang kukuh dan kestabilan politik, kemerosotan ekonomi dan sosial akan berterusan dan negara kita tidak mungkin menjadi negara maju sampai bila-bila pun.

*Perhimpunan Agung Khas UMNO
13 Disember 1998
Kuala Lumpur*

Demokrasi adalah sistem politik terbaik yang biasa dicipta oleh manusia. Tetapi seperti dengan ciptaan manusia yang lain, demokrasi ada kelemahannya, bahkan keburukannya. Baik buruk demokrasi bukan bergantung kepada sistem atau perlembagaan atau aturan peraturan. Baik buruknya demokrasi bergantung kepada pengamal demokrasi sendiri.

*Perhimpunan Agung Khas UMNO
13 Disember 1998
Kuala Lumpur*

Apabila negara menjadi maju kerana perjuangan kita, tidak dapat tidak kita sendiri akan mengecap keuntungan daripadanya walaupun secara 'indirect'.

*Majlis Perasmian Perhimpunan Agung Parti Progresif
Penduduk Malaysia (PPP)
7 Jun 1999
Kuala Lumpur*

Demokrasi adalah untuk kebaikan kita, bukan kita harus dikorbankan untuk kebaikan demokrasi.... Demokrasi adalah baik, tetapi hasilnya yang lebih penting. Kita mengamalkan demokrasi kerana janji kebaikan daripadanya.

*Perhimpunan Agung UMNO
11 Mei 2000
Kuala Lumpur*

Orang yang berdisiplin melakukan perkara yang baik kerana kebaikan.

*Perhimpunan Agung UMNO
11 Mei 2000
Kuala Lumpur*

Sikap toleransi dan hormat menghormati antara satu sama lain disemua peringkat telah membuahakan kata-kata sepakat dan ini adalah satu-satunya faktor utama yang telah menyumbang kepada kehidupan aman damai dan perpaduan.

*Perasmian Perhimpunan Agung Tahunan MIC Ke 54
27 Mei 2000
Kuala Lumpur*

Rakyat daripada semua kaum hendaklah sentiasa bersama-sama memelihara negara kita yang tercinta ini. Kita tidak mempunyai tempat lain lagi selain tanah air dan tanah tumpah darah kita ini yang menjadi tempat tinggal kita. Kita hendaklah bersedia mempertahankan kedaulatan dan kebebasan kita.

*Perasmian Persidangan Perwakilan Ke 29 Parti Gerakan Rakyat
Malaysia
23 September 2000
Pulau Pinang*

Dalam demokrasi rakyat adalah pengadil.

*Perutusan Sempena Tahun Baru 2001
31 Disember 2000
Kuala Lumpur*

Kita perlu berusaha, kita perlu rajin dan kuat bekerja, kuat menuntut ilmu dan segala kecekapan, kuat berpegang kepada nilai-nilai yang mulia, menolak segala kemungkaran dan mengamal yang makruf dan lain-lain yang boleh meningkatkan prestasi kita. Kita boleh.

Perhimpunan Agung UMNO

21 Jun 2001

Kuala Lumpur

Malaysia adalah negara kita bersama. Di sini kita dilahir, di sini kita membesar, bekerja dan bermain, dan di sini juga kita akan menghembus nafas terakhir kita. Oleh itu berjaga-jagalah dan berusahalah untuk memajukan lagi tanahair tercinta ini.

Majlis Perasmian Perhimpunan Agung Parti Progresif

Penduduk Malaysia (PPP) Ke 48

29 Disember 2001

Kuala Lumpur

Minda yang terbuka hendaklah terbuka kepada yang benar dan nyata.

Majlis Perasmian Persidangan Isu dan Proses Pembukaan

Minda Umat Melayu

29 Disember 2001

Kuala Lumpur

Dalam menilai sifat-sifat yang ada pada diri sendiri tidak ada tempat bagi perasaan malu mengenai kemahuan diri dan kesombongan yang tidak berasas. Dimikian juga setelah mengenalpasti kualiti yang lemah yang ada pada diri sendiri tidak perlu ada perasaan malu untuk menerima dan mengenal nilai yang ada pada orang lain, walaupun mereka daripada kaum dan bangsa yang kita kurang senang dengan mereka.

*Majlis Perasmian Persidangan Isu dan Proses Pembukaan
Minda Umat Melayu
29 Disember 2001
Kuala Lumpur*

Yang benar dan nyata harus diakui walaupun pedih dan yang benar dan nyata harus memandu pemikiran yang terbuka.


*Majlis Perasmian Persidangan Isu dan Proses Pembukaan
Minda Umat Melayu
29 Disember 2001
Kuala Lumpur*

Budaya dan nilai hidup yang dipegang oleh manusia menentukan kelakuan mereka, jaya atau tidaknya mereka, bahagia dan sejahteranya mereka ataupun sebaliknya.

*Perhimpunan Agung UMNO
20 Jun 2002
Kuala Lumpur*



BAHAGIAN EMPAT: EKONOMI



Tugas menjaga kepentingan ekonomi negara dalam perhubungan antarabangsa jauh lebih rumit daripada hanya mencari sahabat politik. Dalam arena perdagangan antarabangsa, kawan dan kawan tidak mudah diasingkan. Kadang-kadang kawan politik boleh menjadi musuh ketat ekonomi.

*Upacara Perasmian Mesyuarat Ketua-Ketua Perwakilan Serta
Pelancaran Institut Diplomas dan Perhubungan Luar negeri
12 Ogos 1991
Kuala Lumpur*

Mereka yang ingin kaya cepat akan jatuh dengan teruknya...Apa yang berlaku kepada orang lain kerana amalan yang tidak baik akan berlaku juga kepada diri sendiri jika amalan yang serupa diamalkan.

*Majlis Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga
10 Januari 1992
Kuala Lumpur*

Kesabaran adalah penting untuk mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Biar lambat asalkan selamat bukan pepatah kosong. Mereka yang mudah tawar hati tidak akan berjaya. Kekayaan yang datang dengan mudah akan pergi dengan mudah.

*Majlis Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga
10 Januari 1992
Kuala Lumpur*

Nilai-nilai mulia yang dipegang oleh kita menjadi faktor yang penting dalam mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Di antaranya ialah amanah dan perasaan bertanggungjawab, terutama terhadap apa yang dipertanggungjawabkan terhadap kita.


*Majlis Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga
10 Januari 1992
Kuala Lumpur*

Mereka yang ingin cepat kaya akan ditimpa nasib yang malang jika mereka berniaga. Perniagaan harus tumbuh perlahan-lahan. Keuntungan bukan hanya untuk dibelanjakan tetapi untuk dilaburkan semula bagi membesarkan perniagaan atau untuk 'hari hujan'.

*Majlis Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga
10 Januari 1992
Kuala Lumpur*

Dalam masyarakat adanya pekerja adalah kerana adanya majikan dan adanya majikan adalah kerana adanya pekerja. Yang satu tidak mungkin ada tanpa yang satu lagi. Kedua-duanya bergantung di antara satu sama lain. Sepertimana juga majikan tidak boleh membelakangkan kepentingan dan keperluan pekerja, pekerja juga tidak boleh membelakangkan kepentingan majikan.

*Perutusan Hari Pekerja
1 Mei 1992
Kuala Lumpur*



...kita semua mempunyai kepentingan terhadap kemajuan negara kita ini. Rusuhan, sengketa dan pertelingkahan tidak pernah membawa manfaat kepada sesiapa. Sebaliknya kerjasama dan keikhlasan sesama kita tetap menguntungkan.

Perutusan Hari Pekerja

1 Mei 1992


Kuala Lumpur

Bidang pengurusan mempunyai prinsip-prinsip yang tidak berubah. Penelitian secara mendalam, mengambil berat terhadap kos, berjimat cermat, bertanggungjawab, bertekun dan berfikiran terbuka; semua ini tidak dapat berubah dalam apapun jenis perniagaan atau perusahaan, dimana-mana dan dalam apa-apa zaman. Jika prinsip-prinsip ini dipegang dan diamalkan bersungguh-sungguh, kemungkinan kerugian berlaku dapat dikurangkan jika tidak dihapuskan sama sekali.

Pelancaran Perbadanan Ushawan Nasional Berhad (PUNB)

28 Julai 1992

Kuala Lumpur



Untuk menjadi sebuah negara yang maju kita perlu memperkukuhkan lagi ekonomi kita. Ini hanya boleh dicapai jika semua kaum di negara ini sentiasa hidup bersatu padu, hidup aman damai dan berusaha dengan lebih gigih. Hanya dengan menjadi sebuah negara maju sahajalah baru negara kita akan dihormati dan disanjung tinggi. Jika negara kita lemah dan miskin sudah pasti kita tidak dapat bertindak dengan bebas dalam usaha untuk menjaga maruah, kedaulatan dan keselamatan kita.

*Kempen Publisiti Tahun Melawat Malaysia 1994
1 Ogos 1992
Kuala Lumpur*

Sebagai sebuah negara yang merdeka, kita tidak mahu hidup di bawah telunjuk mana-mana pihak. Sebagai negara yang bebas hanya kita yang patut menentukan nasib dan masa depan kita. Kita ingin menjadi sebuah negara yang maju bukan kerana kita mahu menunjukkan kepada dunia bahawa kita juga kuat. Kita mahu menjadi sebuah negara maju kerana kita mahu rakyat Malaysia hidup sejahtera, aman dan makmur dan dapat menentukan nasib kita sendiri tanpa sebarang tekanan.

*Kempen Publisiti Tahun Melawat Malaysia 1994
1 Ogos 1992
Kuala Lumpur*

Amatlah sukar bagi sesiapa untuk berusaha jika arah dan matlamat tidak diketahui. Dengan menentukan matlamat yang rasional, kita di Malaysia mudah menyusun langkah ke arahnya.

Kempen Publisiti Tahun Melawat Malaysia 1994

1 Ogos 1992

Kuala Lumpur

Dalam dunia ini tidak ada apa yang tidak mungkin jika kita berusaha bersungguh-sungguh dan menumpukan usaha dan tenaga ke arah pencapaiannya.

Kempen Publisiti Tahun Melawat Malaysia 1994

1 Ogos 1992

Kuala Lumpur

Bidang komunikasi memainkan peranan yang penting bagi masa depan negara kerana dunia kini sering berkembang ke arah 'globalisation'. Implikasi yang nyata berikutan dengan perkembangan ini adalah konsep zon masa yang telah berubah. Perubahan ini, yang dibawa oleh arus modenisasi berasaskan kepada perhubungan teknologi dalam bidang telekomunikasi, akan mempengaruhi dan membentuk cara hidup manusia sejagat dalam abad ke-21. Ini adalah suatu hakikat yang kita harus terima sekiranya ingin terus maju.

Perasmian Kilang Optical Communication

Engineering Sdn. Bhd.

2 Oktober 1992

Petaling Jaya

Untuk maju, kita seharusnya menerima perubahan.

*Perasmian Kilang Optical Communication
Engineering Sdn. Bhd.*

2 Oktober 1992

Petaling Jaya

Peningkatan daya pengeluaran boleh dicapai dengan peningkatan kecekapan, dengan bekerja lebih kuat, dengan bersedia mempelajari cara-cara yang baru, dengan etika kerja yang lebih tinggi, dalam suasana kerja yang lebih tertib, dengan disiplin dan banyak lagi cara. Semua cara ini tidak melibatkan tambahan kos. Sebaliknya pengeluaran akan meningkat. Inilah yang dikatakan peningkatan daya pengeluaran atau 'increased productivity'.

Hari Pekerja 1993

6 Ogos 1993


Kuala Lumpur

Satu ciri penting yang menyumbang ke arah pencapaian pertumbuhan yang lebih tinggi ialah nilai yang diberi terhadap kerja. Etika kerja yang berkaitan dengan bekerja kuat, berdikari, berbangga dengan kejayaan, berdisiplin, dedikasi, kerajinan, jujur dan integriti akan melengkapi pelaburan modal, kemahiran dan kepakaran dalam proses perwujudan kekayaan.

*Pembentangan Usul Mengenai Kajian Separuh Penggal
Rancangan Malaysia Keenam*

16 Disember 1993

Kuala Lumpur



Maklumat yang tepat dan komunikasi yang berkesan adalah prasyarat yang amat penting dalam pembentukan satu masyarakat yang bersatu padu. Persefahaman baik antara golongan-golongan dalam masyarakat akan dapat dipertingkatkan melalui pembekalan maklumat yang tepat dan jitu.

Pelancaran Civil Service Link (CSL)

9 Ogos 1994

Kuala Lumpur

Semua pekerja harus meningkatkan daya pengeluaran atau produktiviti setiap kali upah meningkat. Ingatlah setiap seorang daripada kita adalah pengguna. Sebagai pekerja kita tidak boleh menyebabkan harga meningkat dan kemudian sebagai pengguna kita mendesak supaya barangan atau khidmat orang lain dijual dengan harga yang murah, atau kekal pada paras yang lama.

Perhimpunan Gerakan Kepenggunaan

Sempena Kempen Anti Inflasi 1994

29 Oktober 1994

Kuala Lumpur

Ingatlah, wang yang banyak tidak bermakna kaya, dan wang yang sedikit tidak bermakna miskin. Yang penting bukan jumlah wang tetapi purchasing power atau kuasa membeli wang ini. Orang yang miskin daripada segi jumlah wangnya tetapi kaya daripada segi kuasa membelinya adalah lebih kaya dan bahagia daripada orang yang kaya daripada segi jumlah wangnya tetapi rendah kuasa membelinya.


Perhimpunan Gerakan Kepenggunaan
Sempena Kempen Anti Inflasi 1994
29 Oktober 1994
Kuala Lumpur

Hanya dengan memiliki harta intelek, kita akan mampu menangani cabaran masa depan yang lebih kompleks.

Pelancaran Amanah Saham Darul Iman (ASDI)
31 Oktober 1994
Terengganu

Rakyat Malaysia boleh berbangga dengan kejayaan dan pencapaian negara setelah merdeka. Setiap rakyat negara ini berhak berbangga kerana semua kejayaan ini adalah hasil usaha gigih dan pengorbanan mereka sendiri. Walaupun kita terdiri daripada penduduk berbilang kaum dan agama, sikap toleransi dan kerjasama antara satu sama lain telah membolehkan Malaysia terus stabil dan membangun dengan pesat.

Perutusan Hari Kebangsaan Ke 38
30 Ogos 1995
RTM, Kuala Lumpur



Tercapai atau tidaknya wawasan kita adalah di tangan kita sendiri. Rakyat Malaysia mesti mempunyai keyakinan yang tinggi untuk maju. Apa yang boleh dibuat oleh orang lain, boleh juga dibuat oleh kita. Hanya yang diperlukan adalah kesanggupan untuk berusaha bersungguh-sungguh dan keberanian menghadapi semua cabaran.



*Perutusan Hari Kebangsaan Ke 38
30 Ogos 1995
RTM, Kuala Lumpur*

Orang yang mempunyai budaya menabung akan dapat menyelamatkan dirinya apabila menghadapi kecemasan.

*Majlis Pelancaran Kempen Gerakan
Tabungan Peringkat Nasional
16 Disember 1996
Kuala Lumpur*

Kejayaan ekonomi dan kemakmuran negara yang sedang kita kecapai sekarang adalah hasil sinergi daripada gabungan usaha gigih sektor awam, dan sektor swasta termasuk pekerja-pekerja di sektor masing-masing dan juga sektor sosial.

*Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan
Simposium Kebangsaan MS ISO 9000
6 Januari 1997
Kuala Lumpur*



Wawasan 2020 menyediakan landasan dan matlamat yang amat penting bagi menentukan nasib negara kita di masa depan. Maju mundurnya negara serta kedudukan martabat bangsa kita bergantung kepada keupayaan kita merealisasikan wawasan ini dan membudayakan nilai yang secocok dengan pegangan dan maruah kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

*Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan Simposium
Kebangsaan MS ISO 9000
6 Januari 1997
Kuala Lumpur*

Risiko memang ada tetapi setakat mana kita boleh mengurangkannya itu adalah sesuatu yang sebenarnya kita tidak boleh tahu sekarang ini kerana kalau kita takut mengambil 'risk' maka kita takkan berjaya.

*Program 'Bersama Perdana Menteri'
26 Februari 1997
RTM, Kuala Lumpur*

Kualiti persekitaran yang baik adalah penting dalam memupuk masyarakat yang sihat dari segi mental dan fizikal serta berkeyakinan. Dengan adanya persekitaran kehidupan yang teratur dan mapan sahaja baharulah Malaysia akan mencapai taraf negara maju mengikut acuan kita sendiri menjelang tahun 2020.

*Pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara
3 Mac 1997
Kuala Lumpur*

Masanya sudah tiba untuk kita mencipta, merekabentuk dan mengeluarkan barangan ini dengan jenama kita sendiri. Tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh memasarkan barangan dengan jenama kita jika kualitinya sama dan harganya berpatutan.


*Upacara Perasmian Pusat Pameran Bangunan Getah
Antarabangsa Malaysia
28 April 1997
Sungai Buluh, Selangor*

Cyberjaya bukanlah hanya tempat untuk syarikat-syarikat yang terlibat dalam teknologi maklumat dan multimedia boleh menjalankan operasi, tetapi ia juga menjadi medan di mana kreativiti dan inovasi dapat berkembang maju.

*Majlis Pecah Tanah dan Pelancaran Resmi Cyberjaya
17 Mei 1997
Sepang, Selangor*

Teknologi maklumat dan multimedia tidak akan berakhir dengan sendirinya. Jika digunakan secara berkesan, ia akan bertindak sebagai input yang berharga dan di dalam banyak hal menjadi pemangkin kepada industri lain.

*Majlis Pecah Tanah dan Pelancaran Resmi Cyberjaya
17 Mei 1997
Sepang, Selangor*



Kikiskan mentaliti 'The government and everybody owe you'. Kita tidak boleh menuntut Kerajaan membela kita mengikut kehendak kita, sedangkan Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif. Sekarang kita berada dalam era 'survival of the fittest'.

Majlis Makan Malam Seniman

3 Ogos 1997

Petaling Jaya

Kita kini sedang berada dalam era Teknologi Maklumat atau I.T. Dunia juga kini semakin menjadi 'borderless' atau tidak mempunyai sempadan kerana teknologi satelit telah memudahkan perhubungan dan komunikasi antara negara. Dalam perkataan lain dunia pada hari ini samacam satu 'village' atau kampung.

Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan

Ke 26 Parti Gerakan Malaysia

16 Ogos 1997


Kuala Lumpur

Untuk merancang masa depan, kita perlu menoleh ke belakang dahulu supaya kita tahu dari mana kita datang. Jika kita tidak tahu dari mana kita datang, kita mungkin menuju ke belakang walaupun kita percaya kita sedang menuju ke hadapan.

Persidangan Serantau 'Melangkah Abad 21: Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau'

22 Ogos 1997

Kuala Lumpur



Demi masa depan kita, kita tidak boleh menjadi pemerhati sahaja terhadap revolusi maklumat ini. Kita perlu menyertai; bahkan menerajuinya.

Pelancaran Kempen Kesedaran Teknologi Maklumat (IT)

11 Oktober 1997

Kuala Lumpur

Kita tidak mempunyai pilihan melainkan kita sanggup ditinggal di belakang, menjadi miskin dan akibatnya terpaksa tunduk kepada kehendak orang lain. Perubahan yang perlu dibuat kali ini adalah lebih sukar tetapi bukanlah diluar kemampuan kita. Yang penting adalah kesanggupan kita untuk memiliki kemahiran yang diperlukan melalui usaha yang gigih dan dedikasi.

Pelancaran Kempen Kesedaran Teknologi Maklumat (IT)

11 Oktober 1997


Kuala Lumpur

Kita perlu mempunyai sikap yang baru dan terbuka kepada perubahan yang dibawa oleh teknologi. Kita mesti sedia belajar dan terus belajar. Akhirnya, kita mesti berupaya menggunakan teknologi sebagai saluran untuk memperbaiki kerja kita dan kualiti hidup kita.

Pelancaran Kempen Kesedaran Teknologi Maklumat (IT)

11 Oktober 1997

Kuala Lumpur



Sesuatu itu hanya rumit jika kita tidak memahaminya. Tetapi apabila kita tekun belajar untuk memahaminya, ia akan menjadi lebih mudah dan logik.

Pelancaran Kempen Kesedaran Teknologi Maklumat (IT)

11 Oktober 1997

Kuala Lumpur

Sesiapa pun boleh menjadi pekerja berilmu. Kita tidak perlu berkelulusan sains komputer untuk menjadi pekerja berilmu. Seorang pemandu teksi boleh menjadi seorang pekerja berilmu jika ia boleh menggunakan maklumat dan teknologi bagi memperbaiki lagi kerjanya.

Pelancaran Kempen Kesedaran Teknologi Maklumat (IT)

11 Oktober 1997

Kuala Lumpur


Kejayaan ekonomi kita bukanlah datang bergolek, ataupun satu miracle seperti yang disebut-sebut oleh sesetengah pihak, tetapi adalah hasil usaha gigih, hasil titik peluh kita.

Majlis Makan Malam Dewan Perniagaan dan Perindustrian

Kebangsaan Malaysia

18 Disember 1997

Selangor



Kekalahan bukan bermakna tidak langsung berjaya. Kekalahan harus dijadikan pengajaran untuk perjuangan yang lebih gigih. Kekalahan harus memuncakkan semangat baru. Kita patut menerima kegagalan sebagai ukuran pencapaian dan berazam untuk terus berusaha sehingga menjadi johan.


*Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan Simposium
Kebangsaan Kerajaan Elektronik
18 Disember 1997
Kuala Lumpur*

Kita menempa kejayaan yang dinikmati negara sekarang kerana kita yakin bahawa kita boleh. Kita sanggup mencuba sesuatu yang baru dan besar walaupun sesetengah pihak menganggapnya angan-angan. Dengan ketabahan dan keyakinan yang tinggi kepada keupayaan kita, akhirnya sesuatu yang tidak dijangka boleh dicapai.

*Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan Simposium
Kebangsaan Kerajaan Elektronik
18 Disember 1997
Kuala Lumpur*

Tidak ada yang mustahil jika kita tidak membelenggu minda dengan paradigma sempit atau dihantui oleh kompleks rendah diri. Ia juga membuktikan bahawa jika kita yakin pada keupayaan diri, kita tidak akan gentar untuk mencuba sesuatu yang baru atau menghadapi apa jua bentuk saingan.

*Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan Simposium
Kebangsaan Kerajaan Elektronik
18 Disember 1997
Kuala Lumpur*



Kecemerlangan merupakan satu sasaran yang dinamik dan tidak statik, malahan tafsiran bagi maksud kecemerlangan akan terus menjadi lebih kompleks serta ukuran pencapaian kecemerlangan akan terius meningkat pada tahap yang lebih tinggi.

*Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri
18 Disember 1997
Kuala Lumpur*

Selain daripada amanah, sifat kejujuran, keikhlasan, ketekunan, disiplin, ketertiban dan dedikasi juga menjadi sebahagian daripada asas integriti dan etika yang baik. Jika nilai-nilai murni ini diamalkan setiap masa oleh seseorang pekerja, maka penyeliaan sepanjang masa tidak diperlukan. Ini sudah tentu akan meningkatkan efisiensi dan mengurangkan kos.

*Pelancaran Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem
Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia
8 Januari 1998
Kuala Lumpur*

Dalam keghairahan mengejar kekayaan dan kemewahan hidup dalam zaman kebendaan ini ramai yang mengutamakan pencapaian keuntungan yang maksima tanpa mengendahkan batasan-batasan etika dan moral. Sejarah mempunyai banyak contoh di mana kemajuan dan kejayaan yang dicapai tanpa berlandaskan nilai etika dan pegangan agama, akan tercicir akhirnya.

*Pelancaran Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem
Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia
8 Januari 1998
Kuala Lumpur*

Kita hendaklah percaya sepenuhnya kepada keupayaan kita mencipta dan mengeluarkan barangan 'world standard' yang menyaingi apa yang dihasilkan di luar negara.

Perasmian Mastercentre Technology Park Malaysia

24 Februari 1998

Kuala Lumpur

Kita tidak boleh harap sama sekali bantuan daripada orang asing. Kita mesti berusaha sendiri untuk memulihkan ekonomi negara kita dan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita.

Perutusan Sambutan Hari Kebangsaan

31 Ogos 1998

RTM, Kuala Lumpur

Maju masyarakat maka majulah kita. Mundurnya masyarakat maka mundurlah prestasi kehidupan kita.

Perasmian Hari Pengguna Sedunia

6 November 1998



Kuala Lumpur

Kita tidak perlu cipta roda semula tetapi kita boleh berusaha untuk menjadikan roda yang kita guna lebih efisien dan lebih tahan lama.

Perasmian Hari Pengguna Sedunia

6 November 1998

Kuala Lumpur



Kita masih ingat kehinaan penjajahan yang telah kita lalui selama 400 tahun. Kita tidak ingin dijajah lagi sama ada secara langsung atau tidak langsung.


*Perasmian Hari Pengguna Sedunia
6 November 1998
Kuala Lumpur*

Bangsa yang bebas tidak sahaja bebas kerana wilayahnya tidak lagi ditakluk oleh bangsa asing. Negara yang bebas mestilah membentuk dasarnya-dasarnya sendiri, membentuk cara pentadbirannya, memiliki pendirian yang tersendiri sama ada berkenaan masalah dalaman atau luar.

*Perasmian Hari Pengguna Sedunia
6 November 1998
Kuala Lumpur*

Bagi kita yang harus kita junjung ialah kebaikan bagi kita yang tidak datang daripada memburukkan orang lain yang tidak bermusuhan dengan kita. Jika kita lihat hasil usaha kita ialah kejayaan dan kebahagiaan bagi kita, maka itu sudah mencukupi. Kepujian daripada orang lain tidak perlu untuk meyakinkan kita bahawa apa yang kita lakukan untuk negara kita adalah baik.

*Perasmian Hari Pengguna Sedunia
6 November 1998
Kuala Lumpur*



Negara tidak boleh dianggap merdeka semata-mata kerana kuasa politik berada ditangan rakyat. Selagi kuasa ekonomi tidak ada di tangan rakyat kebebasan negara tidak terjamin.

*Majlis Makan Malam Ke 19 Persatuan
Bank-Bank Saudagar di Malaysia
7 November 1998
Kuala Lumpur*

Negara kita adalah milik kita bersama. Nikmat yang terdapat dalam negara kita hendaklah kita agih secara adil dan saksama antara kita.

*Majlis Konvensyen CUEPACS Ke 21
2 Disember 1998
Kuala Lumpur*

Kehidupan ala kadar atau cepat berpuashati dengan kejayaan tidak akan membawa kita ke mana. Pepatah Melayu rezeki secupak tidak akan menjadi segantang tidak berasas. Beras secupak boleh bernilai segantang jika ditambah nilai dengan memasak dan menjualnya.

*Perutusan Hari Raya Aidil Fitri
18 Januari 1999
RTM, Kuala Lumpur*

Dalam era teknologi maklumat dan masyarakat berilmu, sudah semestinya banyak yang dapat dimanfaatkan melalui perkongsian dan kerjasama demi kebaikan bersama.

*Perasmian Bangunan Pusat Perkembangan
Industri Sekuriti dan Suruhanjaya Sekuriti*

26 Februari 1999

Kuala Lumpur

... kita perlu memperteguh dan mencapai kecemerlangan dalam bidang ilmu dan kegiatan penyelidikan untuk dijadikan teras pembangunan kekuatan negara kita supaya kita mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain di dunia ini. Ke arah ini kita perlu yakin dan berusaha dengan gigih serta sentiasa berpegang kepada nilai-nilai murni.

Pelancaran Kumpulan Ikram Sdn. Bhd. dan Kolej Ikram

5 April 1999



Selangor

Keharmonian dan keamanan adalah asas untuk sesebuah negara membina kemakmuran, kemajuan dan seterusnya tamadun bangsa. Semua cita-cita dan impian indah sesebuah negara akan lebur tanpa keharmonian dan keamanan. Negara-negara merdeka yang kaya sekalipun tidak akan dapat mengekalkan kemerdekaan dan kekayaan mereka tanpa keamanan.

Pelancaran Kumpulan Ikram Sdn. Bhd. dan Kolej Ikram

5 April 1999

Selangor



Saham amanah hanyalah satu cara untuk mengagih kekayaan negara ini kepada bilangan yang terbesar daripada yang terbesar daripada rakyat. Kita berharap satu hari kita tidak perlu bergantung kepada saham amanah untuk pengagihan ekonomi kepada Bumiputra. Dengan usaha yang gigih dan keyakinan akan kebolehan diri sendiri, pencapaian matlamat ini akan dapat dilihat dalam jangkamasa yang singkat.

*Pelancaran Minggu Saham Amanah Malaysia dan
Skim Amanah Saham Malaysia
20 April 1 2002
Kuala Lumpur*

Kejayaan Wawasan Pertanian bergantung kepada penggunaan teknologi dan pengetahuan, lebih-lebih lagi dengan terlaksananya liberalisasi perdagangan. Kita mesti bersedia kerana jika tidak, maka kita akan dijajah semula melalui keperluan makanan (food security).

*Perasmian Malaysia Agriculture
Horticulture and Agrotourism (MAHA)
22 Julai 2000
Kuala Lumpur*

Pekerja mestilah cuba menaikkan daya pengeluaran setinggi mungkin. Majikan juga perlu meningkatkan daya pengeluaran dengan memperkenalkan teknik pengurusan dan aktiviti yang lebih produktif.

*Majlis Perhimpunan Perpaduan Sempena Hari Pekerja
29 Julai 2000
Kuala Lumpur*

Bangsa yang berjaya ialah bangsa yang memiliki nilai hidup yang tinggi. Nilai hidup yang tinggi termasuklah sikap disiplin dan tabah hati apabila menghadapi cabaran. Orang yang berdisiplin tidak akan pecah barisan apabila diserang. Sebaliknya mereka akan rapatkan lagi barisan mereka dan berdiri tegoh menangkis segala serangan.

*Majlis Anugerah Perpaduan Formula Malaysia dan Pelancaran
Yayasan Formula Malaysia
1 November 2000
Petaling Jaya, Selangor*

Kejayaan dan kemajuan sesuatu kaum atau bangsa bergantung hampir sepenuhnya kepada nilai hidup yang dipegang dan diamalkan oleh kaum itu. Jika nilai hidup ini tidak sesuai, kekayaan sumber dan yang amat tinggi pun tidak akan menjadikan untuk bangsa itu berjaya dan makmur.


*Perasmian Sambutan Perayaan Jubli Emas RIDA-MARA
3 November 2000
Kuala Lumpur*

Di dalam dunia tanpa sempadan, dengan globalisasi sebagai penawar kepada semua penyakit ekonomi, negara membangun seperti kita sering mendapati diri kita disekat di dalam usaha kita membawa kemajuan kepada rakyat kita. Kita perlu berdiri teguh untuk memerangi kesan negatif proses globalisasi yang boleh mengancam konsep kenegaraan. Kita perlu sedar akan bahaya-bahaya tersebut dan pastikan bahawa kedaulatan negara kita tidak dikorbankan demi globalisasi.

Majlis Jamuan Makan Malam Untuk Meraikan Perdana
Menteri Republik Kyrgyz TYT Amangeldi Maralier dan Puan
Elmira
17 November 2000
Putrajaya

Konsep kerjasama 'give and take' antara kaum yang dicipta oleh pengasas-pengasas negara yang diamalkan oleh kerajaan yang ada sekarang adalah satu konsep atau formula yang mustajab. Demikianlah berjayanya konsep ini sehingga ramai dari dalam dan luar negeri cuba menirunya.

Majlis Jamuan Makan Malam Untuk Meraikan Perdana
Menteri Republik Kyrgyz TYT Amangeldi Maralier
dan Puan Elmira
17 November 2000
Putrajaya



Dalam membina negara yang berdaya tahan, kita perlu terus memperkukuhkan daya saing dan kecekapan melalui penggunaan teknologi serta pembangunan kemahiran dan inovasi.

*Pembentangan Usul Mengenai Rancangan Malaysia Kelapan
23 April 2001
Kuala Lumpur*

Kita mestilah sentiasa berusaha dengan gigih kerana sesuatu kejayaan dalam apa-apa jua bidang pun tidak akan datang bergolek tanpa perancangan yang rapi dan usaha yang gigih.


*Majlis Pelancaran Kijang Emas
17 Julai 2001
Kuala Lumpur*

Ilmu yang tidak digunakan adalah ibarat pokok yang tidak berbuah.

*Majlis Pelancaran Kijang Emas
17 Julai 2001
Kuala Lumpur*

Seperti dengan ilmu-ilmu lain dan kemahiran jika kita berusaha bersungguh-sungguh dan mengulangi sesuatu ilmu dan kecekapan berkali-kali, kita akan dapat menguasai kegunaan komputer dan segala-gala kecekapan dan keajaiban yang datang bersama dengannya.

*Majlis Perhimpunan Hari Pekerja
4 Mei 2002
Shah Alam, Selangor*



*Kecekapan dan kepintaran dalam perniagaan boleh diperolehi
melalui latihan dan pengalaman.*

*Perhimpunan Agung UMNO
20 Jun 2002
Kuala Lumpur*



BAHAN RUJUKAN:

1. Koleksi Ucapan Mahathir 1981-1991; Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia; 1992
2. Koleksi Ucapan Mahathir 1992-1995; Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia; 1996
3. Koleksi Ucapan Mahathir 1996; Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia; 1997
4. Koleksi Ucapan Mahathir 1997; Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia; 1998
5. Koleksi Ucapan Mahathir 1998; Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia; 1999
6. Koleksi Ucapan Mahathir 1999; Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia; 2000
7. Koleksi Ucapan Mahathir 2000; Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia; 2001
8. Koleksi Ucapan Mahathir 2001; Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia; 2002